



LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS

2023 2024

BERWIBAWA • PRIHATIN • SAKSAMA

**LAPORAN TAHUNAN
SURUHANJAYA BEBAS
TATAKELAKUAN POLIS
2023 - 2024**

BERWIBAWA • PRIHATIN • SAKSAMA



SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS

- Pejabat IPCC
Aras 7, Setia Perkasa 7,
Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62546 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Facebook : Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis

Emel : aduan.ipcc@moha.gov.my

Talian Whatsapp : 019-6783211

ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi	5
Pengenalan	7
Pelan Strategik Suruhanjaya	23
Mesyuarat Suruhanjaya	27
Penubuhan Jawatankuasa	29
Pengukuhan Pelaksanaan Fungsi dan Peranan Suruhanjaya	31
Pelaksanaan Program dan Aktiviti Suruhanjaya	39
Pencapaian Suruhanjaya	69
Penghargaan Khas Suruhanjaya	85
Sorotan Media	89
Penyata Kewangan Suruhanjaya	95





Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2023–2024 bagi melakar pencapaian-pencapaian sejak penubuhannya. Seiring dengan hasrat Kerajaan untuk memperkukuh tadbir urus keselamatan negara berteraskan integriti, ketelusan dan akauntabiliti. Penubuhan IPCC bertujuan untuk memastikan kebertanggungjawaban dalam perkhidmatan kepolisan serta mengurangkan persepsi atau salah faham masyarakat terhadap kredibiliti Polis Diraja Malaysia (PDRM). Hasrat ini telah dimanifestasikan melalui pencapaian-pencapaian IPCC sejak mula beroperasi.

Sepanjang tahun 2023–2024, IPCC melaksanakan pengukuhan perjalanan fungsi dan peranan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839]. Tumpuan diberikan dalam memastikan setiap aduan salah laku polis ditangani dengan telus, adil dan berkesan, selain memperkukuh mekanisme aduan dan siasatan agar selaras dengan mandat undang-undang. Pada masa yang sama, IPCC turut memastikan pengurusan sumber dan pentadbiran dilaksanakan secara cekap, berkesan dan mampan.

Sebagai sebuah jabatan yang baharu ditubuhkan, IPCC telah berjaya membangunkan dan melaksanakan visi dan misinya berpandukan Pelan Strategik IPCC 2023–2026. IPCC mengorak langkahnya secara tersusun melalui pengurusan sumber secara optimum. Kejayaan IPCC melancarkan inisiatif IPCC, *Police, Friends and Collaborators* (IPFC) yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 3 Disember 2024 telah memperkukuh hubungan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam usaha meningkatkan kesedaran serta memantapkan keyakinan rakyat terhadap pasukan keselamatan.

Kejayaan ini juga tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen, kerja keras dan dedikasi seluruh Anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah-pengarah Bahagian serta warga IPCC. Sokongan padu daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai kementerian pengawal, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kepimpinan serta anggota PDRM, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan rakan-rakan strategik yang lain menjadi pencetus semangat dan memantapkan iltizam IPCC dalam melaksanakan amanah yang diberi.

Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak atas sumbangan dan khidmat bakti yang dicurahkan kepada IPCC. Saya yakin IPCC akan terus memantapkan kedudukannya sebagai sebuah badan pemantau bebas yang Berwibawa, Prihatin dan Saksama setanding dengan badan-badan pemantau bebas seumpamanya di dunia.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Datuk Zolkopli bin Dahalan

Pengerusi Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis






Pengenalan



PENUBUHAN SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS



Selaras dengan penguatkuasaan Akta 839, Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) telah ditubuhkan sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang berfungsi sebagai badan pemantau bebas terhadap tatakelakuan anggota pasukan polis. Seksyen 4 Akta 839 memperuntukkan fungsi IPCC seperti berikut:

1.

Menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis

**FUNGSI
IPCC**

2.

Menasihati Kerajaan dan membuat syor mengenai langkah-langkah yang sesuai diambil dalam menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis

3.

Melindungi kepentingan orang awam melalui penanganan salah laku mana-mana anggota pasukan polis

4.

Membentuk dan mengadakan mekanisme bagi menerima aduan dan menyiasat salah laku oleh mana-mana anggota pasukan polis

Seksyen 5, Akta 839 memperuntukkan kuasa IPCC seperti berikut:




PENGOPERASIAN SURUHANJAYA

Pejabat IPCC telah memulakan operasinya secara rasmi pada 1 November 2023, bertempat di Aras 7, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa, Putrajaya.

Bagi menyokong keperluan IPCC, sebanyak 36 perjawatan telah diluluskan melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bilangan K6 Tahun 2023 bertarikh 27 September 2023 oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Sehingga 31 Disember 2024, sejumlah 33 perjawatan telah berjaya diisi, termasuk sembilan (9) pegawai yang dipinjamkan daripada agensi-agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Pengisian ini membolehkan setiap bahagian dalam IPCC berfungsi dan melaksanakan mandat serta tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah Akta 839.

Pecahan pegawai IPCC mengikut kumpulan perkhidmatan seperti berikut:



Pecahan pegawai IPCC mengikut kumpulan perkhidmatan pada tahun 2024



Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Pegawai dan Kakitangan IPCC 2023 di Bilik Sidang Media, KDN pada 31 Oktober 2023

LANTIKAN ANGGOTA SURUHANJAYA

Satu jawatankuasa *Search Committee* telah ditubuhkan untuk menguruskan pemilihan dan pelantikan Anggota Suruhanjaya, selaras dengan keperluan di bawah seksyen 6 Akta 839.

Keanggotaan *Search Committee* terdiri daripada:

1. Ketua Setiausaha, KDN (Pengerusi);
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan), KDN;
3. Setiausaha Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam (K), KDN;
4. Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (SM), KDN;
5. Wakil Jabatan Peguam Negara (AGC);
6. Wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
7. Wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Semua calon yang dipertimbangkan untuk dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya telah melalui proses saringan ketat melibatkan tapisan keselamatan, tapisan kebangkrapan, tapisan tatatertib dan tapisan keutuhan. Sesi temu duga telah diadakan pada 27 Oktober 2023 dan 23 November 2023 yang melibatkan 10 calon. Daripada 10 calon yang dipertimbangkan, *Search Committee* telah bersetuju dengan pelantikan lima (5) individu sebagai Anggota Suruhanjaya.



**Sesi temu duga pelantikan Anggota Suruhanjaya di The Westin Kuala Lumpur
pada 27 Oktober 2023 dan 23 November 2023**

Hasil daripada proses temu duga dan penilaian yang komprehensif, cadangan pelantikan lima (5) orang Anggota Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda (SPB) Yang di-Pertuan Agong (YDPA) pada 27 Disember 2023 berkuatkuasa pada tarikh lapor diri bertugas.



Majlis Penyerahan Surat Cara Pelantikan Anggota Suruhanjaya pada 10 Januari 2024 di Bilik Sidang Media, KDN

ANGGOTA SURUHANJAYA BAGI LANTIKAN SESI 2024-2027



PENGERUSI

YBhg. Datuk Zolkopli bin Dahalan

Mantan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
(Gred Utama Turus III)

TIMBALAN PENERUSI

YBhg. Dato' Mohamad Jazamuddin bin Hj. Ahmad Nawawi

Mantan Ketua Pengerusi Lembaga Penasihat
Jabatan Perdana Menteri
(Gred JUSA A)



ANGGOTA SURUHANJAYA

YBrs. Puan Martina @ Kartina binti Zamhari

Mantan Pengarah Audit Sektor Kewangan
Jabatan Audit Negara
(Gred JUSA B)

ANGGOTA SURUHANJAYA

YBhg. Dato' Tan Kang Sai

Mantan Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
(Gred JUSA B)



ANGGOTA SURUHANJAYA

YBhg. Dato' Shukri bin Abdullah

Mantan Timbalan Pengarah (Teknikal/Operasi)
Jabatan Logistik dan Teknologi Polis Diraja Malaysia
(Gred JUSA C)

MAKLUMAT KORPORAT SURUHANJAYA

Selaras dengan iltizam bagi memperkukuh identiti korporat serta memperjelas hala tuju strategik organisasi, IPCC telah mewujudkan logo rasmi, visi, misi dan slogan yang mencerminkan fungsi, peranan serta aspirasi penubuhan IPCC.



Logo rasmi IPCC

Logo rasmi IPCC merupakan simbol bagi tujuan komunikasi dan penjenamaan bagi mencipta identiti visual IPCC sebagai badan pemantau bebas. Logo rasmi IPCC direka merangkumi fon, warna dan reka bentuk melambangkan:

IPCC

Independent Police Conduct Commission

**Warna
Biru**

Melambangkan integriti dan pasukan polis

**Warna
Emas/
Kuning**

Melambangkan kualiti, kepercayaan dan keyakinan



Huruf P berbentuk *point forward* melambangkan tugas dan fokus ke arah kesempurnaan dan keadilan

VISI DAN MISI

VISI

Badan pemantau bebas yang dipercayai bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap integriti pasukan polis

Mewujudkan mekanisme aduan dan siasatan yang efektif, efisien dan saksama

Mempertingkatkan standard kepolisan

MISI

SLOGAN

BERWIBAWA

Keupayaan melaksanakan tanggungjawab dengan kebijaksanaan, kemahiran tinggi yang berteraskan ilmu dan pengalaman serta menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti

PRIHATIN

Komited untuk menangani setiap aduan dengan layanan mesra, bertanggungjawab dan berempati demi menjaga hak dan kepentingan semua pihak

SAKSAMA

Membuat keputusan yang adil, telus dan berdasarkan fakta yang benar tanpa memihak atau berat sebelah


PENGURUSAN IPCC

Pentadbiran IPCC diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) yang dilantik di bawah seksyen 14 Akta 839. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab memastikan kelancaran pengurusan dan pentadbiran IPCC selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Struktur pentadbiran IPCC dibahagikan kepada empat (4) bahagian iaitu:

1. Bahagian Strategik dan Korporat;
2. Bahagian Aduan dan Siasatan;
3. Bahagian Hal Ehwal Perundangan; dan
4. Bahagian Khidmat Pengurusan.

CARTA ORGANISASI IPCC



LAGU JANJI INTEGRITI

IPCC telah memperkenalkan lagu tema rasmi bertajuk “Janji Integriti” bagi mengukuhkan identiti korporat dan menyemarakkan budaya integriti dalam organisasi serta masyarakat. Lagu ini telah mula diperkenalkan semasa Majlis Peluncuran IPCC, *Police, Friends and Collaborators* (IPFC) pada 3 Disember 2024 di World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL).

LIRIK LAGU: JANJI INTEGRITI

*Baris Sedia
Ayuh Semua Kita Bersama
Berazam Satu Suara
Ayuh Semua
Teguh Berdiri Di Sini
Satu Amanah Berintegriti
Disiplin Jadi Panduan
Untuk Kepentingan Awam
Pantau Tiap Tindakan
Agar Cemerlang Ke Hadapan
Tiap Janji Yang Diberi
Kita Pegang Sepenuh Hati
Tiada Kompromi Jika Tidak Selari
Integriti Tiada Ganti
Bersama Bina Harapan
Tanpa Ragu, Tanpa Alasan
Demi Kemakmuran
Malaysiaku Satu Kejayaan
Tanpa Gentar Kita Melangkah
Tentangi Salah Laku Dengan Gagah
Janji Di Hati, Kita Serah
Demi Kebenaran, Tiada Lelah*

Lirik :

IPCC dan Rosli Mohd Nordin

Komposer :

Tengku Zainuddin Tengku Dalam

Pautan muzik video :

https://www.youtube.com/watch?v=FWLpmt_g1Pg

MEDIA SOSIAL

IPCC telah mewujudkan akaun media sosial rasmi sebagai platform komunikasi utama untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan, ketelusan dan mendekatkan diri dengan rakyat. Langkah ini membolehkan penyampaian maklumat yang pantas, mudah diakses dan interaktif. Selain itu, media sosial digunakan sebagai saluran untuk meningkatkan kesedaran awam bagi melindungi hak orang awam dan anggota pasukan polis berkaitan kepentingan integriti, undang-undang dan keselamatan negara.



**Suruhanjaya Bebas
Tatakelakuan Polis**



IPCCNEWS



@ipccofficial_

KOD ETIKA

Kod Etika IPCC diperkenalkan sebagai satu set peraturan, prinsip dan nilai yang menjadi panduan setiap warga IPCC dalam melaksanakan tugas. Kod Etika ini diwujudkan bertujuan memastikan bahawa semua tindakan yang diambil oleh warga IPCC adalah berdasarkan prinsip moral yang tinggi dan memenuhi standard profesionalisme, integriti dan akauntabiliti.

Kod Etika IPCC telah dipersetujui dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil.5/2024 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 30 Julai 2024. Tiga (3) nilai teras yang didukung oleh IPCC adalah seperti yang berikut:



SALURAN KHIDMAT PELANGGAN

IPCC turut menyediakan saluran khidmat pelanggan yang berfungsi sebagai platform rasmi untuk menerima, menyemak serta memberi maklum balas berkaitan aduan atau pertanyaan secara profesional dan responsif kepada pelanggan. Pengendaliannya tertakluk kepada Piagam Pelanggan IPCC dan Kod Etika IPCC bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan mencapai tahap kepuasan pelanggan yang optimum.

IPCC juga ada menyediakan platform aduan melalui borang Google sehingga Julai 2024 dan turut menerima aduan daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bagi tempoh 1 Julai sehingga 11 September 2023.

SALURAN

KHIDMAT PELANGGAN



**Sistem Pengurusan
Aduan dan Kendalian
Siasatan (SPEAKS)
dalam proses
pembangunan**



E-mel Aduan :
aduan.ipcc@moha.gov.my

Hadir bersemuka di Pejabat IPCC
Aras 7, Setia Perkasa 7,
Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Wilayah Persekutuan Putrajaya



Talian Hotline Aduan
03-8880 8811 / 03-8880 8813

Talian Aplikasi Whatsapp
019-6783211



KEMENTERIAN DALAM NEGERI



PELAN STRATEGIK SURUHANJAYA





PERANCANGAN STRATEGIK KEMENTERIAN DALAM NEGERI

VISI	BADAN PEMANTAU BEBAS YANG DIPERCAYAI BAGI MENINGKATKAN KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP INTEGRITI PASUKAN POLIS			
MISI	MEWUJUDKAN MEKANISME ADUAN DAN SIASATAN YANG EFEKTIF, EFISIEN DAN SAKSAMA		MEMPERTINGKAT STANDARD KEPOLISAN / <i>ENHANCE POLICING STANDARD</i>	
KEBERHASILAN STRATEGIK	PERKHIDMATAN KEPOLISAN YANG BERINTEGRITI		KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP PASUKAN POLIS MENINGKAT	
TERAS STRATEGIK	TERAS 1: MEMPERKASA INTEGRITI	TERAS 2: MEMPERKASAKAN PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN	TERAS 3: MEMPERKUKUHKAN DASAR DAN PERUNDANGAN	TERAS 4: MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN PEMBANGUNAN KAPASITI
STRATEGI UTAMA	10 STRATEGI UTAMA			
GAME CHANGERS	INTEGRITI PEMBANGUNAN KAPASITI PEREKAYASAAN PROSES KERJA PENGURUSAN PERUBAHAN <i>ARTIFICIAL INTELLIGENCE (A.I.)</i> DIGITALISASI INKLUSIF			
NILAI TERAS	BERWIBAWA PRIHATIN SAKSAMA			

Pelan Strategik IPCC

IPCC telah merangka Pelan Strategik IPCC 2024-2026 sebagai langkah strategik dalam memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan serta memperkukuh peranan IPCC sebagai badan pemantau bebas yang berwibawa. Pelan ini merupakan dokumen hala tuju komprehensif yang bersepadu, berfokus serta berimpak tinggi bagi memperjelas matlamat strategik IPCC dalam tempoh tiga (3) tahun.

Pelan Strategik IPCC 2024-2026 digarap berpaksikan Visi IPCC iaitu untuk menjadi “Badan Pemantau Bebas Yang Dipercayai Dalam Meningkatkan Keyakinan Rakyat Terhadap Integriti Pasukan Polis”. Pelan ini turut memperincikan misi, strategi serta program yang akan dilaksanakan bagi mencapai aspirasi tersebut yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya pada 22 April 2024.

Empat (4) teras utama yang menjadi tonggak kepada Pelan Strategik ini adalah:



Bagi memastikan penyediaan pelan strategik ini dijalankan secara holistik dan inklusif, Bengkel Penyediaan Pelan Strategik IPCC 2024-2026 telah diadakan pada 16 hingga 18 Februari 2024 bertempat di Hotel Swiss Garden, Bukit Bintang. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Puan Ainah binti Mohd Soon dari Bahagian Perancangan Strategik, KDN serta melibatkan penyertaan aktif pegawai-pegawai IPCC dari pelbagai bahagian.

Pelan Strategik IPCC 2024-2026 bukan sahaja menjadi panduan operasional, malah mencerminkan komitmen IPCC dalam meningkatkan daya saing organisasi, memperkuatkan keterbukaan dan akauntabiliti, serta menjamin perkhidmatan berkualiti kepada rakyat selaras dengan peranan IPCC sebagai sebuah badan pemantau bebas yang bertanggungjawab dalam mempertingkatkan integriti dan tatakelakuan anggota pasukan polis secara keseluruhannya.



Bengkel Penyediaan Pelan Strategik IPCC 2024–2026 di Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur pada 16 hingga 18 Februari 2024



Taklimat telah disampaikan oleh Puan Ainah binti Mohd Soon, Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik, KDN



RINGKASAN PELAN STRATEGIK 2024-2026



TERAS 1: MEMPERKASA INTEGRITI

3 STRATEGI

1. PENGUKUHAN SISTEM SOKONGAN IPCC
2. PENGUKUHAN JATI DIRI
3. PENGUKUHAN PEMBUDAYAAN INTEGRITI

3 PROGRAM

- PROGRAM 1 - IPCC, POLICE, FRIENDS AND COLLABORATORS
- PROGRAM 1 - PENGHAYATAN NILAI-NILAI MURNI
- PROGRAM 1 - PENGURUSAN MEDIA DAN KOMUNIKASI STRATEGIK

TERAS 2: MEMPERKASAKAN PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN

1 STRATEGI

1. PENGUKUHAN MEKANISME KAWALAN DAN PEMATUHAN

3 PROGRAM

- PROGRAM 1 - PEWUJUDAN DAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA DI BAWAH AKTA 839
- PROGRAM 2 - PEWUJUDAN SUMBER RUJUKAN DAN PENGOPERASIAN
- PROGRAM 3 - MEWUJUDKAN PIAGAM PELANGGAN

TERAS 3: MEMPERKUKUHKAN DASAR DAN PERUNDANGAN

1 STRATEGI

1. PEMANTAPAN AKTA 839

2 PROGRAM

- PROGRAM 1 - KAJIAN SEMULA DASAR DAN PERUNDANGAN
- PROGRAM 2 - PENYEDIAAN PERATURAN

TERAS 4: MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

5 STRATEGI

1. PENGUKUHAN KOMPETENSI PEGAWAI IPCC
2. PEMBANGUNAN TEKNOLOGI/SISTEM
3. PENDIGITALAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN IPCC
4. DATA MINING
5. PEMANTAPAN ORGANISASI

7 PROGRAM

- PROGRAM 1 - PEWUJUDAN PROFIL KOMPETENSI SUMBER MANUSIA
- PROGRAM 1 - PEMBANGUNAN SISTEM E-ADUAN DAN SIASATAN
- PROGRAM 1 - MEWUJUDKAN SISTEM KEWANGAN
- PROGRAM 1 - PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA IPCC
- PROGRAM 1 - MEMPERKASA SUMBER MANUSIA
- PROGRAM 2 - MENYEDIAKAN RUANG KERJA YANG KONDISIF
- PROGRAM 3 - KECEKAPAN TADBIR URUS AKUNTABILITI DAN KEWANGAN



MESYUARAT SURUHANJAYA



Berdasarkan seksyen 10 Akta 839, IPCC hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali sebulan atau seberapa kerap yang perlu untuk melaksanakan fungsinya. Pada tahun 2024, IPCC telah berjaya mengadakan sebanyak 25 sesi Mesyuarat Suruhanjaya (MS) yang membincangkan penetapan dasar, pengurusan isu perundangan, pengurusan aduan dan siasatan, pentadbiran dan hal ehwal IPCC. Sejumlah 22 Kertas Pertimbangan dan 18 Kertas Pemakluman telah dibentangkan untuk mendapatkan persetujuan dan sebagai pemakluman kepada MS. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 23 Januari 2024.



Anggota dan Setiausaha IPCC semasa menghadiri Mesyuarat Suruhanjaya



PENUBUHAN JAWATANKUASA



Seksyen 18 Akta 839 memperuntukkan Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa untuk membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini. Pada tahun 2024, IPCC telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Maklumat dan Sistem, Jawatankuasa *Regular Engagement Programme* dan Jawatankuasa Perundangan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN MAKLUMAT DAN SISTEM

Jawatankuasa Pengurusan Maklumat dan Sistem (JKMS) bertanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal berkaitan teknologi maklumat yang menyokong operasi IPCC. Peranan utama JKMS termasuk merancang hala tuju strategik ICT IPCC, menyelaras projek dan perolehan ICT, memastikan keselamatan siber, mengurus aset ICT secara cekap, memacu transformasi digital, membangunkan kompetensi warga kerja serta memantau pematuhan terhadap dasar dan garis panduan teknologi maklumat yang ditetapkan.

JKMS juga bertanggungjawab dalam pembangunan dan pengurusan Sistem Pengurusan Aduan dan Kendalian Siasatan (SPEAKS) yang akan memudahkan orang awam untuk membuat aduan kepada IPCC secara dalam talian pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Sehingga 31 Disember 2024, sejumlah lima (5) Mesyuarat JKMS telah diadakan.

JAWATANKUASA REGULAR ENGAGEMENT PROGRAMME

Jawatankuasa *Regular Engagement Programme* (REP) diwujudkan bagi menggerakkan fungsi dan kuasa IPCC untuk menasihati Kerajaan mengenai penambahbaikan kesejahteraan dan kebajikan anggota pasukan polis serta membuat syor mengenai langkah-langkah yang sesuai diambil dalam menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis.

Sehingga 31 Disember 2024, IPCC telah mengadakan sebanyak sembilan (9) kali Mesyuarat Jawatankuasa REP dalam usaha mengenal pasti isu dan mencari langkah penyelesaian yang komprehensif untuk menambah baik kesejahteraan dan kebajikan anggota pasukan polis.

JAWATANKUASA PERUNDANGAN

Jawatankuasa Perundangan (JKP) berperanan untuk meneliti dan menyemak *Standard Operating Procedure* (SOP), carta alir, peraturan, dan kod etika. Selain itu, JKP turut berperanan membincangkan perkara-perkara berkaitan penggubalan perundangan utama, subsidiari dan peraturan berkaitan IPCC. Penubuhan jawatankuasa bertujuan memastikan gerak kerja IPCC dari aspek dasar, perundangan berbangkit dan operasi dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan. Sehingga 31 Disember 2024, Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan telah diadakan sebanyak empat (4) kali.

JAWATANKUASA ADUAN

Jawatankuasa Aduan (JKA) ditubuhkan selaras dengan seksyen 23 Akta 839 dan bertanggungjawab menerima apa-apa aduan salah laku daripada individu sama ada orang awam mahupun anggota pasukan polis, pertubuhan persendirian atau wakil peguam terhadap mana-mana individu dan seterusnya menyiasat aduan itu. JKA dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IPCC dengan keahlian semua Pengarah bahagian dan diurus setiakan oleh Seksyen Aduan, Bahagian Aduan dan Siasatan IPCC. Peranan JKA adalah untuk menimbang teliti aduan yang diterima agar memenuhi kriteria di bawah seksyen 24 Akta 839 dan seterusnya memutuskan pengelasan aduan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 25 Akta 839. Sehingga 31 Disember 2024 sebanyak 32 Mesyuarat JKA telah dilaksanakan.



PENGUKUHAN PELAKSANAAN FUNGSI DAN PERANAN SURUHANJAYA



IPCC telah mengadakan tiga (3) kategori mesyuarat berkala bersama agensi luar iaitu Mesyuarat Bersama Pengurusan Tertinggi Polis Diraja Malaysia, Mesyuarat Berkaitan Kes di bawah Seksyen 26 Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] (MBK) dan Mesyuarat Status Aduan (MSA). Mesyuarat berkala ini diadakan bagi mengukuhkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk memperkasa fungsi dan peranan IPCC.

MESYUARAT BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI POLIS DIRAJA MALAYSIA

Mesyuarat yang diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun ini merupakan hasil persetujuan bersama IPCC dan PDRM bertujuan membentangkan penemuan serta rumusan dari hasil libat urus IPCC ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), balai polis, kuarters dan formasi PDRM. Mesyuarat ini turut membincangkan isu-isu yang melibatkan integriti dan kebajikan anggota pasukan polis.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh Pengerusi IPCC dan Ketua Polis Negara dan dihadiri oleh barisan Anggota Suruhanjaya, Pengurusan Tertinggi PDRM, Ketua Pegawai Eksekutif IPCC serta Pengarah-pengarah Bahagian IPCC.

Senarai Mesyuarat bersama Pengurusan Tertinggi PDRM Sepanjang Tahun 2024





Sesi perbincangan antara IPCC dan Ketua Polis Negara pada 1 Julai 2024



Mesyuarat Bersama Pengurusan Tertinggi PDRM Bil.2/2024 pada 13 Ogos 2024 di KDN



**Mesyuarat Bersama Pengurusan Tertinggi PDRM Bil.3/2024 pada 13 Disember 2024
di Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman**

MESYUARAT BERKAITAN KES DI BAWAH SEKSYEN 26 AKTA SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS 2022

Mesyuarat Berkaitan Kes di Bawah Seksyen 26 Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] (MBK) telah diadakan pada 25 September 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat IPCC. Mesyuarat ini bertujuan untuk memperkemas dan memperkukuh usaha pemantapan terhadap rujukan dan maklumat berkaitan jenayah seksual terhadap, atau apa-apa kejadian yang mengakibatkan cedera parah kepada atau kematian, mana-mana orang dalam tahanan atau jagaan anggota pasukan polis selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 26 Akta 839.

Mesyuarat ini juga bertujuan meneliti dan menyemak laporan berkaitan kes-kes di bawah seksyen 26 Akta 839 secara berkala di samping membincangkan isu berbangkit yang telah dilaporkan berkaitan kes-kes tersebut. Selain itu, perjumpaan ini juga turut membincangkan cadangan, penyelesaian dan penambahbaikan yang diperlukan bagi pengurusan dan penyelesaian kes-kes berkenaan demi memastikan proses yang lebih efektif dan berkesan.

Mesyuarat sebelum ini yang dikenali sebagai Mesyuarat Kematian Dalam Tahanan hanya melibatkan kes-kes kematian dalam tahanan yang disiasat oleh Unit Siasatan Jenayah Kematian Dalam Tahanan (USJKT) PDRM, dengan keahlian terdiri daripada pegawai-pegawai dari Kementerian Dalam Negeri (KDN), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Berdasarkan seksyen 26 Akta 839, PDRM hendaklah merujuk kepada IPCC apa-apa kejadian yang melibatkan jenayah seksual terhadap, atau apa-apa kejadian yang mengakibatkan cedera parah kepada atau kematian, mana-mana orang dalam tahanan atau jagaan anggota pasukan polis. Sehubungan itu, IPCC telah menyelaras penyertaan Jabatan dan Agensi berkaitan bagi memantau perkembangan kes-kes berkaitan kes MBK. Platform ini melibatkan penyertaan daripada pelbagai agensi dan pihak berkepentingan termasuk PDRM, SUHAKAM, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kimia Malaysia. Mesyuarat ini diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun.

KEAHLIAN MBK

PENGERUSI

PENGERUSI IPCC

TIMBALAN
PENGERUSI

TIMBALAN PENGERUSI IPCC
(TURUT BERPERANAN SEBAGAI PENGERUSI GANTI)

AHLI-AHLI

- ANGGOTA IPCC
- SETIAUSAHA IPCC
- PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN IPCC
- SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (SUHAKAM)
- JABATAN INTEGRITI DAN PEMATUHAN STANDARD (JIPS) PDRM
- JABATAN SIASATAN JENAYAH (JSJ) PDRM

URUS SETIA
INDUK

BAHAGIAN HAL EHWAL PERUNDANGAN IPCC

AHLI JEMPUTAN

- LAIN-LAIN JABATAN DI PDRM
- LAIN-LAIN KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI/ PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) MENGIKUT KEPERLUAN MESYUARAT



Mesyuarat Berkaitan Kes di Bawah Seksyen 26 Akta 839 (MBK) pada 25 September 2024 di IPCC

MESYUARAT STATUS ADUAN

Mesyuarat Suruhanjaya Bil.12/2024 pada 22 Julai 2024, telah bersetuju dengan keperluan untuk mewujudkan satu platform pengurusan aduan yang melibatkan jabatan dan agensi yang berkaitan dengan IPCC dan dinamakan sebagai Mesyuarat Status Aduan (MSA). MSA merupakan satu medium pemantauan bagi memastikan tindakan terhadap aduan yang dirujuk kepada jabatan dan agensi berkaitan dilaksanakan. Pemantauan ini penting bagi memantapkan lagi proses pengurusan aduan melibatkan jabatan dan agensi yang berkaitan dengannya.

MSA yang dipengerusikan oleh Pengerusi IPCC telah bersidang sebanyak dua (2) kali pada tahun 2024 iaitu pada 23 Ogos 2024 di Mardhiyyah Hotel and Suites, Shah Alam dan pada 17 Disember 2024 di Eastin Hotel, Kuala Lumpur. Keahlian MSA melibatkan komposisi pegawai daripada beberapa jabatan dan agensi seperti berikut:

KEAHLIAN MSA

Anggota-anggota Suruhanjaya

Pegawai-pegawai IPCC

**Pegawai-pegawai dari
Jabatan Integriti dan
Pematuhan Standard (JIPS),
PDRM**

**Pegawai-pegawai dari
Jabatan Siasatan
Jenayah (JSJ), PDRM**

**Pegawai-pegawai dari
Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM)**

**Mana-mana
pegawai dari
jabatan dan
agensi (yang
difikirkan
sesuai dari
semasa ke
semasa)**



Mesyuarat Status Aduan (MSA) Bil.1/2024 di Mardhiyyah Hotel and Suites, Shah Alam pada 23 Ogos 2024



Mesyuarat Status Aduan (MSA) Bil.2/2024 di Eastin Hotel, Kuala Lumpur pada 17 Disember 2024





PELAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI SURUHANJAYA



IPCC secara berterusan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang bertujuan memperkukuh kerjasama strategik, meningkatkan tahap kesedaran dan kepercayaan awam serta mempertingkatkan keberkesanan pengoperasian IPCC. Pelaksanaan program dan aktiviti ini bertujuan menyokong usaha IPCC dalam memastikan tadbir urus yang lebih telus, berakuntabiliti dan responsif terhadap kehendak masyarakat serta selaras dengan mandat di bawah undang-undang.

REGULAR ENGAGEMENT PROGRAMME - LAWATAN PEMANTAUAN PDRM

IPCC diberikan kuasa di bawah seksyen 5(2)(b) Akta 839 untuk menjalankan fungsinya sebagai sebuah badan pemantau bebas untuk melaksanakan lawatan ke formasi PDRM sebagaimana termaktub di bawah iaitu:

“membuat lawatan ke mana-mana tempat dan premis seperti balai polis, rumah kakitangan polis, lokap dan pusat tahanan dengan memberikan notis awal kepada Ketua Jabatan yang berkaitan dan membuat apa-apa syor yang perlu”.


Regular Engagement Programme (REP) merupakan komitmen IPCC untuk turun ke lapangan melibatkan pelbagai formasi PDRM untuk menjalankan sesi libat urus bersama anggota pasukan polis, mengumpul isu serta maklumat bagi tujuan penyediaan syor penambahbaikan kepada Kerajaan. Pelaksanaan REP ini melibatkan sesi lawatan ke atas Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), balai, lokap, kemudahan kuarters, Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Gerakan Udara (PGU), Pasukan Gerakan Marin (PGM), Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) dan Pusat Latihan Polis (PULAPOL). Sesi REP tersebut antara lain melihat isu berkaitan tadbir urus, pengurusan kewangan, pengurusan aset dan sumber manusia.

Bagi memastikan matlamat REP tercapai, IPCC memfokuskan kepada lima (5) teras utama REP iaitu:



Proses pengumpulan maklumat di bawah program REP dijalankan menerusi sesi perjumpaan dan temu bual anggota pasukan polis secara berkumpulan/individu serta penelitian status kemudahan fizikal di formasi PDRM terlibat.

LOKASI REP (LAWATAN PEMANTAUAN PDRM) SEPANJANG TAHUN 2024



Jumlah formasi REP (lawatan pemantauan sepanjang tahun 2024)

BIL.	FORMASI PDRM	BILANGAN LOKASI REP
1	Ibu Pejabat Polis (Kontinjen)	6/14
2	Ibu Pejabat Polis (Daerah)	29/157
3	Balai Polis	145/809
4	PULAPOL	2/11
5	PGA/PGU/PGM dan FRU	7/70
6	Lokap Berpusat	3/5
7	Perumahan Berpusat	3
JUMLAH		195



**Pasukan REP IPCC di IPK Kuala Lumpur bersama
Ketua Polis Kuala Lumpur dan Pengurusan Tertinggi IPK Kuala Lumpur pada 24 April 2024**



**Pasukan REP IPCC di IPK Terengganu bersama
Ketua Polis Terengganu dan Pengurusan Tertinggi IPK Terengganu pada 28 Mei 2024**



**Pasukan REP IPCC di IPK Pahang bersama
Ketua Polis Pahang dan Pengurusan Tertinggi IPK Pahang pada 28 Mei 2024**



**Pasukan REP IPCC di IPK Pulau Pinang bersama
Ketua Polis Pulau Pinang dan Pengurusan Tertinggi IPK Pulau Pinang pada 25 Julai 2024**



Anggota Suruhanjaya bersama Ketua Polis Selangor di IPK Selangor pada 22 Ogos 2024



Anggota Suruhanjaya bersama Timbalan Ketua Polis Melaka di IPK Melaka pada 20 November 2024



IPCC di PULAPOL Kuala Lumpur bersama pihak Pengurusan dan Pelatih pada 29 Jun 2024

PELAKSANAAN PROGRAM REP IPCC DI IPK, IPD, BALAI DAN FORMASI PDRM SEPANJANG TAHUN 2024







REP – PIHAK BERKEPENTINGAN

REP bersama dengan Pihak Berkepentingan dilaksanakan melalui beberapa siri Sesi Libat Urus (SLU) yang merupakan program perjumpaan bagi menjalinkan kerjasama strategik, mendapatkan input, pandangan dan maklum balas berkaitan isu-isu melibatkan pasukan polis. Pada tahun 2024, IPCC telah mengadakan sebanyak 17 REP – Pihak Berkepentingan.

Senarai REP - Pihak Berkepentingan

BIL.	SLU JABATAN/BAHAGIAN/AGENSI LUAR	TARIKH
1	Urus Setia Ketua Polis Negara (Komunikasi Korporat), PDRM	31 Januari 2024
2	Cawangan Khas (SB), PDRM	15 Februari 2024
3	Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), PDRM	20 Februari 2024
4	Jabatan Pengurusan (JP), PDRM	20 Februari 2024
5	Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), PDRM	8 Mac 2024
6	Unit Siasatan Jenayah Kematian Dalam Tahanan (USJKT), PDRM	12 Mac 2024
7	Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), PDRM	19 Mac 2024
8	Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)	20 Mac 2024
9	Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), PDRM	22 April 2024
10	Jabatan Logistik dan Teknologi (JLOG), PDRM	20 Mei 2024
11	Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), PDRM	24 Jun 2024
12	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)	30 Julai 2024
13	Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis, Semenanjung Malaysia (PACSU)	9 September 2024
14	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)	9 September 2024
15	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJJK), PDRM	7 Oktober 2024
16	Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), PDRM	29 Oktober 2024
17	Cawangan Pengurusan Aduan (CPA), JIPS, PDRM	14 November 2024

REP – SESI MEJA BULAT IPCC

Program Sesi Meja Bulat IPCC (SMBI) merupakan satu program perbincangan dan perkongsian idea secara langsung melibatkan kalangan golongan pakar dan intelektual yang berpengalaman luas dalam bidang kepakaran masing-masing khususnya di dalam aspek tatakelola dan integriti anggota pasukan polis.

Buat julung kalinya SMBI Siri 1/2024 telah dilaksanakan pada 22 Julai 2024 di Pulau Pinang yang melibatkan wakil daripada pihak swasta, ahli akademik, pegawai Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA), PDRM dan pegawai Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT). Berikut adalah hasil dapatan syor daripada SMBI Siri 1/2024 yang telah dilaksanakan:

BIL.	ISU	SYOR
1.	Sumber Manusia	1. Keperluan memberi penekanan kepada aspek kesihatan mental dan psikologi anggota pasukan polis. 2. Keperluan memberi fokus kepada anggota pasukan polis yang mempunyai keberhutangan serius.
2.	Tadbir Urus	1. Penglibatan semua peringkat bagi program integriti dimasukkan dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara. 2. Keperluan aspek penyeliaan yang berkesan dalam kalangan pegawai atasan dan penyelia. 3. Keperluan pengurusan organisasi mengikut elemen alam sekitar, kesihatan sosial dan hak asasi manusia. 4. Keperluan melibatkan PDRM dalam syor pewujudan apa-apa perundangan mengenai tadbir urus dan perolehan.

Seterusnya, Program SMBI Siri 2/2024 yang telah dilaksanakan pada 18 Disember 2024 di Kuala Lumpur yang melibatkan wakil daripada Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA). Berikut adalah hasil dapatan syor daripada SMBI Siri 2/2024 yang dilaksanakan:

BIL.	ISU	SYOR
1.	Dasar	1. Perintah Tetap Ketua Polis Negara perlu dijadikan sumber rujukan utama dalam melaksanakan tindakan melibatkan tatakelola dan hal ehwal kebajikan anggota pasukan polis. 2. Jawatankuasa Khas diwujudkan bagi melihat keperluan mengemaskini kandungan Perintah Tetap Ketua Polis Negara dari semasa ke semasa agar tidak bercanggah dengan arahan Kerajaan yang lain. 3. Keperluan penyediaan kuarters bagi setiap anggota pasukan polis.
2.	Struktur Organisasi dan Perjawatan	1. Perjawatan yang tidak mencukupi. 2. Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) dikenal pasti menghadapi beban tugas yang tinggi dengan berhadapan dengan isu kekurangan perjawatan. 3. Mengelakkan pelaksanaan perjawatan secara sandaran.
3.	Kewangan	1. Peruntukkan kewangan yang mencukupi perlu disediakan bagi membolehkan PDRM menyediakan keperluan aset dan kos penyelenggaraan. 2. Pelaksanaan penyelenggaraan secara konsisten.
4.	Kelestarian	1. Semua keputusan memerlukan kesinambungan dalam aspek pelaksanaannya agar tidak bersifat <i>one-off</i> dan dengan itu keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan akan memberi kesan positif dalam jangka masa panjang. 2. Jawatankuasa Khas diwujudkan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan inisiatif yang melibatkan kewangan agar nilai yang diterima setara dengan perbelanjaan yang dibuat.
5.	Undang-undang	1. Keperluan kajian undang-undang bagi mengemaskini kandungannya agar selari dengan senario dan cabaran semasa.
6.	Persepsi	1. Tiada keseimbangan di antara berita positif dan negatif melibatkan PDRM menyebabkan peningkatan persepsi negatif terhadap PDRM.
7.	Latihan	1. Modul latihan perlu dikemas kini termasuk berkaitan integriti. 2. Pegawai dan anggota sentiasa digalakkan meningkatkan tahap pendidikan.

Syor yang dikumpulkan semasa Program SMBI akan membantu IPCC membuat pengesyoran kepada Kerajaan mengenai penambahbaikan anggota pasukan polis.



**SPMI Siri 1/2024 bertajuk “Penguatan Integriti dalam Organisasi”
di Eastin Hotel, Pulau Pinang pada 22 Julai 2024**



**SPMI Siri 2/2024 bertajuk “Memperkukuh Integriti Polis: Kepimpinan dan Tadbir Urus”
di Eastin Hotel, Kuala Lumpur pada 18 Disember 2024**

REP - KUNJUNGAN HORMAT PENERUSI SURUHANJAYA

Dalam usaha memperkukuhkan integriti dan keberkesanan perkhidmatan polis, IPCC telah melaksanakan pelbagai siri kunjungan hormat bertujuan untuk menjalin hubungan profesional IPCC dengan mana-mana pihak berkepentingan yang dikenal pasti serta membuka peluang kerjasama yang lebih sistematik di antara kedua-dua pihak. Melalui pertemuan rasmi tersebut, IPCC berkesempatan untuk memaklumkan peranannya serta mendapatkan sokongan strategik daripada pihak yang dikunjungi. Kerjasama ini akan dapat memantapkan jaringan komunikasi dan memacu usaha bersama dalam menggalakkan integriti serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan pasukan polis.

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Kunjungan hormat kepada YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara telah diadakan pada 23 Februari 2024. Tujuan kunjungan ini adalah untuk membincangkan serta berkongsi pandangan dengan Ketua Setiausaha Negara mengenai perancangan dan hala tuju IPCC. Ini penting bagi memastikan IPCC dapat menjalankan fungsi dan kuasa sebagai badan pemantau bebas terhadap pasukan polis dengan berkesan.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA POLIS NEGARA

Kunjungan hormat kepada YDH Tan Sri Dato' Seri Razarudin Husain, Ketua Polis Negara telah diadakan pada 20 Mac 2024. Pertemuan tersebut bertujuan memaklumkan perancangan IPCC dan mengupas isu-isu semasa melibatkan PDRM di samping mengeratkan lagi hubungan serta kerjasama dua hala antara kedua-dua pihak.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA PESURUHJAYA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Kunjungan hormat kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dato' Sri Hj Azam Baki telah diadakan pada 19 Mac 2024. Pertemuan dua hala ini bertujuan untuk berkongsi pengetahuan, bertukar-tukar pandangan berkaitan fungsi serta tugas IPCC dalam pengurusan krisis, integriti pegawai dan siasatan terhadap pegawai polis yang terlibat dalam salah laku.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA PENERUSI SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Kunjungan hormat kepada YBhg. Tan Sri Dr. Ismail Bakar, Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah diadakan pada 23 April 2024. Kunjungan ini bertujuan untuk berkongsi pandangan dan bagi mengukuhkan hubungan kerjasama antara IPCC dengan EAIC. Menerusi kunjungan ini juga, pihak IPCC dan EAIC turut bertukar pandangan berhubung inisiatif perkongsian sumber sistem maklumat dan tenaga pakar, cadangan penambahbaikan perkhidmatan serta SLU yang berterusan.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA PENGARAH UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN

Kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Azman bin Ibrahim, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah diadakan pada 7 Jun 2024. Kunjungan ini bertujuan untuk mewujudkan hubungan kerjasama antara IPCC dengan ICU, JPM dalam usaha meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan anggota pasukan polis.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KOMUNIKASI

Kunjungan hormat kepada YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi telah diadakan pada 7 Julai 2024. Kunjungan ini bertujuan meneroka peluang platform kerjasama dengan pihak Kementerian Komunikasi bagi mempromosikan jenama IPCC kepada umum.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA PENERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah diadakan pada 24 Julai 2024. Kunjungan ini bertujuan untuk mewujudkan kerjasama serta bertukar pandangan dengan pihak SPA berkaitan dengan hal ehwal perkhidmatan penjawat awam yang berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia. Menerusi kunjungan ini juga, IPCC dan SPA turut membincangkan peluang untuk bekerjasama dalam konteks memperkasakan nilai integriti yang dapat memberikan nilai tambah kepada inisiatif pemantauan integriti anggota pasukan polis.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Kunjungan hormat kepada YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri yang baharu dilantik telah diadakan pada 2 Oktober 2024 dan kunjungan hormat ini memberi ruang kepada IPCC untuk menyampaikan ucapan tersebut serta memaklumkan mengenai pengoperasian IPCC. Kunjungan ini juga bertujuan mengukuhkan hubungan profesional antara IPCC dan kementerian, sekaligus membuka ruang untuk berkongsi visi, misi serta hala tuju IPCC.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia telah diadakan pada 10 Disember 2024.

Kunjungan ini bertujuan memperkukuh kerjasama di antara IPCC dan KKM melibatkan pihak-pihak yang mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang tugas kedua-dua pihak khususnya dalam pengurusan kes-kes di bawah seksyen 26, Akta 839. Menerusi kunjungan hormat ini juga, IPCC dan KKM membincangkan peluang untuk mengadakan kerjasama dalam isu-isu yang melibatkan kesihatan mental.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA PENGARAH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin@Mohd Zainuddin, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KASTAM) telah diadakan pada 26 Disember 2024. Menerusi kunjungan hormat ini pelbagai maklumat berkaitan pengoperasian IPCC telah disampaikan selain bertukar-tukar pandangan mengenai bidang kuasa kedua-dua pihak.



PENGANJURAN KURSUS, BENGKEL DAN LATIHAN

KURSUS ASAS ADUAN DAN SIASATAN BERSAMA AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)

Kursus Asas Aduan dan Siasatan telah diadakan dari 5 hingga 8 Februari 2024 di Genting Highlands, Pahang bagi memperkasakan pengetahuan, kemahiran dan kefahaman asas pegawai-pegawai IPCC berkaitan pengurusan aduan serta pengendalian siasatan. Kursus ini telah dilaksanakan dengan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), SPRM. Modul kursus ini seperti berikut:

Modul Sesi Ceramah



Modul Sesi Latih Amal





Tuan Roseli bin Roszaini, Penguasa Kanan SPRM menyampaikan ceramah berhubung siasatan dalam sesi latih amal pada 6 Februari 2024



Sesi bergambar peserta Kursus Aduan dan Siasatan daripada IPCC bersama penceramah SPRM

BENGKEL PROSES DAN PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN

Bengkel Proses dan Penyediaan Kertas Siasatan telah diadakan sebanyak enam (6) sesi pada bulan Jun dan Julai 2024. Pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah dijemput dalam sesi bengkel tersebut sebagai penceramah bagi memberi pendedahan dan menambah pengetahuan pegawai dan kakitangan BAS IPCC. Objektif bengkel antara lain adalah untuk melengkapkan pengetahuan, kemahiran dan pemahaman mengenai kertas siasatan serta memperincikan mengenai perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam penyediaan kertas siasatan.

MODUL BENGKEL PROSES DAN PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN



Modul 1



Modul 2



Sesi Pertama pada 20 Jun 2024 dan Sesi Kedua pada 27 Jun 2024 Bengkel Proses dan Penyediaan Kertas Siasatan bersama EAIC

Modul 3



Modul 4



Sesi Ketiga pada 4 Julai 2024 dan Sesi Keempat pada 11 Julai 2024 Bengkel Proses dan Penyediaan Kertas Siasatan bersama EAIC

Modul 5



Modul 6



Sesi Kelima 18 Julai 2024 dan Sesi Keenam 25 Julai 2024 Bengkel Proses dan Penyediaan Kertas Siasatan bersama EAIC

PENYEDIAAN PROSEDUR OPERASI STANDARD

PENGURUSAN ADUAN

SOP Pengurusan Aduan telah dibangunkan sebagai panduan dalam menguruskan setiap aduan yang diterima oleh IPCC. Penyediaan SOP ini juga adalah selari dengan Piagam Pelanggan Pengurusan Aduan serta Kod Etika IPCC. Objektif utama penyediaan SOP Pengurusan Aduan seperti berikut:

1. menggariskan tatacara kerja mengurus aduan yang lebih bersistematik agar proses kerja dan aliran kerja pengurusan aduan dapat dikendalikan dengan cekap dan teratur; dan
2. menyelaraskan dan memberi panduan kepada pegawai IPCC di BAS mengenai tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam menguruskan aduan yang diterima daripada pengadu.

SOP Pengurusan Aduan telah mula dibangunkan pada bulan April 2024 dengan mengambil kira semua aspek dari peringkat aduan diterima sehinggalah keputusan siasatan dimaklumkan kepada pengadu seperti berikut:

SOP ini telah mendapat kelulusan Mesyuarat Suruhanjaya Bil.16/2024 dan penguatkuasaan bermula pada 22 Ogos 2024.

PENGENDALIAN SIASATAN

SOP Pengendalian Siasatan telah diwujudkan sebagai panduan kepada pegawai IPCC dalam mengendalikan siasatan ke atas aduan yang telah dikelaskan di bawah seksyen 25(c) Akta 839. SOP ini adalah selari dengan Piagam Pelanggan dan Kod Etika IPCC yang telah digariskan serta terpakai kepada semua pegawai IPCC yang telah dilantik sebagai Pegawai Siasatan (IO) dan Penolong Pegawai Siasatan (AIO) khususnya kepada pegawai-pegawai di BAS. SOP ini telah mendapat kelulusan Mesyuarat Suruhanjaya Bil.19/2024 dan penguatkuasaan bermula pada 7 Oktober 2024.



URUSAN PERTANYAAN PARLIMEN

Isu-isu di bawah kuasa IPCC sering mendapat perhatian dalam perbahasan di Parlimen melibatkan Dewan Rakyat dan Dewan Negara khususnya berhubung status aduan dan pencapaian IPCC. Koleksi pertanyaan Parlimen melibatkan IPCC seperti berikut:

Koleksi Pertanyaan Parlimen

BIL.	JENIS DEWAN	JENIS PERTANYAAN	PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA			
1.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	Bukan Jawab Lisan (BJL)	Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan komitmen Kerajaan untuk membentangkan semula RUU IPCMC bagi mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap institusi PDRM.
2.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	BJL	Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sumbangan dan keberkesanan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sejak dikuatkuasakan dalam usaha untuk meningkatkan integriti, mengurangkan salah laku para anggota dan meraih keyakinan orang ramai terhadap pasukan keselamatan tersebut.
3.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	BJL	Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kesediaan Kerajaan untuk menambah baik bidang kuasa Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) bagi membolehkannya berfungsi sebagai satu badan pengawasan polis yang bebas dan efektif dalam menangani isu salah laku polis dan apakah Kerajaan berhasrat untuk membentangkan laporan penilaian prestasi berkala IPCC bagi setiap tempoh masa tertentu.

4.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	LISAN	Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan atas keperluan mendesak untuk meningkatkan integriti pegawai PDRM tatkala peningkatan penyalahgunaan kuasa, salah laku dan jenayah, adakah Kerajaan bercadang untuk mengemas kini Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) bagi meningkatkan kapasiti mereka untuk menyiasat penyalahgunaan kuasa.
5.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	LISAN	Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan aduan oleh rakyat yang diterima mengenai salah laku anggota PDRM dari tahun 2018-2023 dan pecahan mengikut jenis kesalahan dan daerah di Sarawak.
6.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	LISAN	Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan: (a) apakah langkah Kerajaan dalam menangani penularan pelbagai kes yang melibatkan amalan rasuah di kalangan anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia sehingga menjejaskan integriti dan wibawa PDRM; dan (b) sejauh manakah Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) menjalankan fungsinya sebagai badan pemantau bebas yang turut merangkumi aspek siasatan aduan salah laku dan tadbir urus dalam pasukan PDRM.
7.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	LISAN	Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menambahbaik Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 (IPCC) memandangkan Akta tersebut bukannya efektif untuk menangani aduan-aduan terhadap polis. Sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.

8.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	LISAN	Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi menangani isu salah laku anggota polis yang semakin parah dan mencemarkan nama baik institusi.
9.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	LISAN	Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah polis yang telah diambil tindakan disiplin sejak Disember 2022. Berapa aduan telah diterima oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sejak ia beroperasi dan penyelarasan fungsi-fungsi IPCC dan Jabatan Integriti PDRM.
DEWAN NEGARA, MESYUARAT PERTAMA			
10.	DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	LISAN	Datuk Haji Mustafa bin Musa minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan daftar bilangan kes salah laku yang telah diambil perhatian serta siasatan oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) serta jaminan Kerajaan dalam isu integriti anggota dan pegawai polis yang mesti bebas dari kelakuan jenayah dan aktiviti rasuah.
11.	DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	LISAN	Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah aduan termasuk jenis aduan yang telah diterima oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis sejak ia dikuatkuasakan dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas aduan-aduan tersebut.
12.	DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA TAHUN 2024	LISAN	Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha proaktif yang boleh mengembalikan keyakinan umum terhadap kredibiliti kepolisan para anggota PDRM yang terpalit dengan pelbagai bentuk salah laku yang menjelikkan dan bagaimanakah peranan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dapat dimainkan secara konstruktif ke arah menjayakan reformasi PDRM.

DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA			
13.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA TAHUN 2024	BJL	Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status siasatan berikut: (a) anggota polis enggan menerima laporan pemerasan RM10,000 membabitkan empat anggota di Kepong dan anggota trafik meminta RM100 daripada pelancong pasangan UK; dan (b) video tular memaparkan polis menampar seorang lelaki di tempat awam dan penemuan wang tunai lebih dari RM3,000 dalam kereta peronda ketika anggota polis menjalankan Op Alkohol.
14.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA TAHUN 2024	BJL	Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan: (a) jumlah aduan yang diterima, kes yang disiasat dan syor tindakan tatatertib yang dibuat oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sejak ia ditubuhkan; dan (b) apakah usaha pemeraksanaan terhadap IPCC ini agar ia dapat meningkatkan integriti anggota dan tahap kepercayaan orang awam terhadap institusi PDRM.
15.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA TAHUN 2024	LISAN	Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa aduan telah diterima oleh Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sejak IPCC ditubuh dan adakah Kerajaan bercadang menggantikan IPCC dengan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC).
16.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA TAHUN 2024	LISAN	Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah aduan terhadap anggota-anggota polis di bawah Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 (IPCC) untuk tempoh 5 tahun yang lalu dan keputusan-keputusan terhadap aduan-aduan tersebut. Adakah IPCC tersebut efektif dalam menangani aduan-aduan terhadap anggota-anggota polis.

DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA			
17.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA TAHUN 2024	LISAN	Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan: (a) status terkini enam kes yang disiasat oleh IPCC daripada sejumlah 256 aduan yang diterima melalui Mesyuarat Jawatankuasa Aduan dan Mesyuarat Suruhanjaya; dan (b) perkembangan syor IPCC untuk penambahbaikan dalam meningkatkan integriti polis dari aspek prosedur, peraturan, sumber manusia dan fasiliti.
18.	DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA TAHUN 2024	LISAN	Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan: (a) status siasatan IPCC berkenaan aduan keganasan polis bernombor IPCC.231/2024 dan IPCC.230/2024 berkenaan insiden serahan memorandum di luar Parlimen oleh Persatuan Teoh Beng Hock Untuk Kemajuan Demokrasi pada 15 Julai 2024; dan (b) status terkini siasatan semula kes kematian Teoh Beng Hock.

Ringkasan keseluruhan Pertanyaan Parlimen melibatkan IPCC bagi tahun 2024

DEWAN	Bukan Jawab Lisan (BJL)	Jawab Lisan (LISAN)	JUMLAH
RAKYAT	5	10	15
NEGARA	0	3	3

18

PODCAST SANTAI KDN

IPCC telah menerima jemputan dari Unit Komunikasi Korporat, KDN untuk menyertai Podcast Santai KDN sebanyak dua (2) kali. Pada podcast yang siri pertama yang telah berlangsung pada 16 Ogos 2024, KPE IPCC telah menerangkan secara mendalam tentang peranan dan fungsi IPCC. Manakala, dalam Podcast Santai KDN siri kedua pada 23 Disember 2024, KPE IPCC telah menyampaikan informasi dan aspirasi berkaitan peluncuran dan pelaksanaan program IPCC, *Police, Friends and Collaborators* (IPFC).



Podcast Santai KDN bersama Ketua Pegawai Eksekutif IPCC bertajuk
“Berwibawa, Prihatin, Saksama: Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis” pada 16 Ogos 2024



Podcast Santai KDN bersama Ketua Pegawai Eksekutif IPCC bertajuk
“IPCC, Police, Friends and Collaborators (IPFC)” pada 23 Disember 2024

PANEL FORUM ANJURAN SUARA RAKYAT MALAYSIA

IPCC telah dijemput menyertai forum anjuran SUARAM pada 28 September 2024 di Johor Bahru. Objektif forum ini adalah untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai hak individu ketika berhadapan dengan pihak berkuasa. Selain itu, forum ini turut mengupas peranan organisasi, masyarakat sivil dan badan pemantau kerajaan serta perkembangan negara serantau dalam menangani isu berkaitan layanan yang tidak memuaskan.

IPCC yang diwakili YBrs. Puan Kartina binti Zamhari, Anggota Suruhanjaya selaku salah seorang panel forum telah menggunakan platform ini bagi memaklumkan peranan, fungsi dan kuasa IPCC sebagai badan pemantau bebas tatakelakuan polis. Beliau turut menekankan bahawa IPCC bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan orang awam melalui penanganan salah laku mana-mana anggota pasukan polis.



**Forum anjuran SUARAM bertajuk “Kesan Penyalahgunaan Kuasa Pihak Polis Kepada Orang Awam”
di Johor Bahru pada 28 September 2024**



PENCAPAIAN SURUHANJAYA



IPCC, POLICE, FRIENDS AND COLLABORATORS

IPCC, *Police, Friends and Collaborators* (IPFC) merupakan salah satu program di bawah Pelan Strategik IPCC yang menyasarkan dan menggalakkan kerjasama pelbagai pihak melalui sesi libat urus, perkongsian kepakaran, pameran, sesi meja bulat, dialog dan inisiatif lain yang menyokong matlamat menggalakkan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis. Di samping itu, program IPFC akan dapat meningkatkan kesedaran awam untuk memastikan tahap integriti anggota pasukan polis sentiasa dipelihara dan diperkukuhkan.

OBJEKTIF IPFC



RAKAN STRATEGIK IPCC



LOGO IPFC



SALUTASI “JANJI INTEGRITI”

Salutati Janji Integriti telah diperkenalkan sebagai satu ungkapan bersama gerakan simbolik yang membawa maksud komitmen terhadap integriti, keterbukaan dan kerjasama rakan strategik IPCC dengan slogan IPFC dikenali sebagai “IPCC Janji Integriti”.

Gerakan simbolik tersebut melibatkan dua gerakan isyarat tangan yang membawa makna simbolik iaitu tapak tangan kanan diletakkan di dada kiri sebagai lambang janji diikuti dengan menggenggam jari tersebut di dada sebagai simbol menggenggam dan memegang teguh integriti. Ia sebagai simbol komitmen dan sokongan pelbagai pihak kepada IPCC dalam mencapai visi dan misi.



“Janji” - Pergerakan tangan kanan diletakkan di dada kiri dengan jari terbuka



“Integriti” - Tangan kanan digenggam di dada kiri



PELUNCURAN IPFC

Pada 3 Disember 2024 bertempat di Dewan Merdeka, World Trade Centre Kuala Lumpur, IPFC telah diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Majlis peluncuran ini turut dihadiri oleh barisan pemimpin negara, wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, syarikat swasta serta institusi pengajian tinggi. Peluncuran IPFC menandakan langkah proaktif IPCC dalam memperkukuh hubungan dengan pasukan polis, masyarakat dan pihak berkepentingan melalui kolaborasi strategik.



YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah menandatangani plak sebagai gimik peluncuran



Gambar-gambar sekitar Majlis Peluncuran IPCC, *Police, Friends and Collaborators* (IPFC) yang diadakan pada 3 Disember 2024 di Dewan Merdeka, World Trade Centre Kuala Lumpur. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

PENDAFTARAN IPFC

Pendaftaran untuk menjadi ahli IPFC boleh dibuat menerusi pengimbasan kod QR. Sehingga 31 Disember 2024, seramai 952 orang telah berdaftar sebagai ahli IPFC. Poster dengan kod QR yang digunakan untuk mendaftar sebagai ahli IPFC seperti berikut:



Poster pendaftaran keahlian IPFC

PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN DAN KENDALIAN SIASATAN

IPCC telah membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Aduan dan Kendalian Siasatan (SPEAKS) bagi memantapkan kecekapan pengurusan aduan dan siasatan yang dilaksanakan oleh IPCC. Pembangunan sistem ini telah dimulakan dari September 2024 dan dibangunkan secara dalaman dengan kerjasama PDRM. Penggunaan SPEAKS merupakan alternatif saluran aduan bagi memudahkan pengadu mengemukakan aduan.

Pembangunan SPEAKS melibatkan beberapa modul utama seperti pendaftaran, penghantaran aduan, penghargaan, cadangan, pengurusan aduan, dan pengendalian siasatan. Platform yang disediakan ini akan membolehkan pengadu dan IPCC dapat berinteraksi dengan lebih cekap khususnya bagi mengetahui status dan maklum balas aduan.



Paparan muka hadapan laman sesawang Sistem Pengurusan Aduan dan Kendalian Siasatan (SPEAKS) yang dalam proses pembangunan oleh IPCC



PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

Program Pegawai Integriti Bertauliah (CelO) Siri 40 Bil.4/2024 Sektor Awam – Kementerian Dalam Negeri (KDN) merupakan satu program yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Program ini telah diadakan bermula dari 15 Julai hingga 7 Oktober 2024 dan disertai seramai 33 orang peserta dari pelbagai agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).



Dua (2) orang pegawai IPCC telah menyertai program ini sebagai peserta bertujuan untuk mempersiapkan diri sebagai Pegawai Integriti. Penyertaan dalam program ini merupakan inisiatif strategik IPCC untuk mempertingkatkan pengetahuan dan mengasah kemahiran pegawai dalam bidang integriti dan pencegahan rasuah.

Kursus Pegawai Integriti Bertauliah (CelO) Siri 40 Bil. 4/2024 Sektor
Awam KDN


PERAKAUNAN SENDIRI

IPCC telah melaksanakan perakaunan sendiri bermula pada 11 Oktober 2024 dan menjalankan fungsi sepenuhnya sebagai Badan Berkanun Persekutuan seperti mana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2024 mengenai Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 30 April 2024.

PENGURUSAN ADUAN

Sebanyak 136 aduan telah diterima dari 1 Julai 2023 hingga 31 Disember 2023 manakala 477 aduan telah diterima bagi tahun 2024. Terdapat enam (6) saluran penerimaan aduan di IPCC iaitu dari emel aduan IPCC, emel Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), hadir secara bersemuka, borang Google, pos dan aduan yang dipanjangkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Penerimaan aduan menerusi medium borang Google yang mula dilaksanakan pada 2 Februari 2024 telah dihentikan pada 17 Ogos 2024.

PECAHAN ADUAN MENGIKUT MEDIUM PENERIMAAN ADUAN BAGI TAHUN 2023 HINGGA 2024




	Emel IPCC	Emel EAIC	Bersemuka	Pos	KDN	Borang Google	Jumlah
2023	47	71	16	0	2	0	136
2024	182	97	85	30	9	74	477
Jumlah	229	168	101	30	11	74	613

Dari 613 aduan yang diterima bagi tahun 2023 hingga 2024, sebanyak 59 aduan dikenal pasti sebagai aduan tidak lengkap menurut seksyen 24(2) Akta 839. Pengadu diberikan tempoh 14 hari untuk mengemukakan butiran aduan yang lengkap dan sekiranya tiada sebarang maklum balas diterima dalam tempoh tersebut, ia akan dikategorikan sebagai Aduan Tidak Lengkap (ATL). Selain itu, 34 aduan lagi belum dikelaskan sehingga Disember 2024. Butiran pengelasan aduan seperti berikut:

Pengelasan Aduan Bagi Tahun 2023 Hingga 2024

Pengelasan Aduan	2023	2024	Jumlah
Seksyen 25(a) – rujuk SPRM	7	4	11
Seksyen 25(b) – rujuk pihak berkuasa berkaitan	4	7	11
Seksyen 25(c) – siasatan IPCC	3	4	7
Seksyen 25(d) – rujuk PDRM	94	259	353
Seksyen 25(e) – aduan ditolak	28	110	138
Jumlah	136	384	520

Pengelasan aduan yang tertinggi adalah di bawah seksyen 25(d) iaitu rujuk kepada PDRM dengan jumlah 353 aduan. Pecahan aduan mengikut pengelasan aduan seperti berikut:



Pecahan Mengikut Pengelasan Aduan Bagi Tahun 2023 hingga 2024

Daftar Aduan Mengikut Kontinjen Bagi Tahun 2023 hingga 2024

KONTINJEN	2023 (1 Julai - 31 Dis)	2024	JUMLAH
Selangor	25	102	127
W.P. Kuala Lumpur	24	68	92
Johor	18	31	49
Perak	11	24	35
Pulau Pinang	7	22	29
Kedah	7	19	26
Kelantan	6	19	25
Sabah	5	20	25
Negeri Sembilan	2	16	18
Pahang	1	14	15
Sarawak	1	14	15
Bukit Aman	3	10	13
Terengganu	4	8	12
Melaka	5	6	11
W.P. Putrajaya	0	5	5
Perlis	0	3	3
W.P. Labuan	0	1	1
Tiada Maklumat	20	47	67
JUMLAH	139	429	568

Aduan yang diterima IPCC juga telah dikategorikan mengikut kod kesalahan. Aduan tertinggi yang diterima adalah dari kod aduan D3 (Tidak berpuas hati dengan tindakan siasatan), diikuti oleh kod aduan D4 (Tiada maklum balas siasatan) dan kod aduan D5 (Tidak menjalankan siasatan/ tiada tindakan). Statistik bagi kod kategori ini seperti berikut:

Statistik Kategori Aduan

KATEGORI	KOD	KESALAHAN	2023 (1 Julai - 31 Dis)	2024	JUMLAH MENGIKUT KATEGORI	JUMLAH MENGIKUT KOD	PERATUS
Rasuah	A1	Meminta/ menerima rasuah	5	10	15	16	2.9%
	A2	Menawar/ memberi rasuah	0	0	0		
	A3	Menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan	1	0	1		
	A4	Tuntutan palsu	0	0	0		
Jenayah	B1	Kekerasan (fizikal)	3	10	13	35	6.3%
	B2	Gangguan seksual/ rogol/ cabul	0	5	5		
	B3	Aktiviti berkaitan Dadah	0	3	3		
	B4	Menipu/ Pemalsuan dokumen	3	2	5		
	B5	Ugutan	1	2	3		
	B6	Terlibat dengan aktiviti jenayah	1	0	1		
	B7	Melindungi/ bersubahat dengan penjenayah	0	5	5		

KATEGORI	KOD	KESALAHAN	2023 (1 Julai - 31 Dis)	2024	JUMLAH MENGIKUT KATEGORI	JUMLAH MENGIKUT KOD	PERATUS
Integriti	D1	Tidak berpuas hati dengan sikap (kurang sopan/ kasar atau biadap/ tidak adil)	15	40	55	439	79.2%
	D2	Enggan mengambil laporan	4	2	6		
	D3	Tidak berpuas hati dengan tindakan siasatan	20	96	116		
	D4	Tiada maklum balas siasatan	35	48	83		
	D5	Tidak menjalankan siasatan/ tiada tindakan	26	54	80		
	D6	Tidak berpuas hati dengan keputusan siasatan	6	39	45		
	D7	Ketidakpatuhan SOP	3	8	11		
	D8	Salah guna kuasa	8	24	32		
	D9	Membocorkan maklumat	0	4	4		
	D10	Tidak membayar hutang	1	3	4		
	D11	Menyeleweng harta	0	1	1		
	D12	Disiplin (tidak hadir bertugas/ menjalankan tugas sambil lewa)	0	2	2		
	D13	Mengutip wang perlindungan	0	0	0		
Umum	U1	Umum (aduan pelbagai)	1	15	16	22	4.0%
	U2	Hubungan Sulit/ Mengganggu Rumahtangga/ Hubungan LGBT	0	6	6		
Lain-lain	L1	Penghargaan	0	1	1	42	7.6%
	L2	Pertanyaan	1	0	1		
	L3	Ulangan	2	38	40		
		JUMLAH	136	419	554	554	100.0%

Kesemua aduan yang diterima IPCC juga melibatkan pelbagai pangkat anggota pasukan polis meliputi Pegawai Kanan Polis (PKP) dan Pegawai Rendah Polis (PRP). Dari 1 Julai 2023 hingga 31 Disember 2024, aduan ke atas Pegawai Yang Diadu (PYDA) berpangkat Inspektor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 145 aduan, diikuti oleh pangkat Sarjan dengan 107 aduan dan pangkat ASP dengan 50 aduan.

Kategori	Pangkat	Tahun		Jumlah
		2023 (1 Julai -31 Dis)	2024	
Pegawai Kanan Polis	CP	1	2	3
	DCP	1	1	2
	SAC	0	3	3
	ACP	1	6	7
	SUPT	3	5	8
	DSP	4	3	7
	ASP	7	43	50
	Inspektor	26	119	145
Pegawai Rendah Polis	Sub-Inspektor	2	0	2
	Sarjan Mejar	0	5	5
	Sarjan	25	82	107
	Koperal	6	24	30
	Lans Koperal	1	12	13
	Konstabel	1	10	11
Lain-lain	Tidak dinyatakan	89	180	269
Jumlah		167	495	662

Jumlah Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Pangkat Bagi Tahun 2023 Hingga 2024

PENGURUSAN ADUAN MENGIKUT SEKSYEN 25 AKTA 839

IPCC telah menyelesaikan pengelasan terhadap 520 aduan yang diterima dari tahun 2023 hingga tahun 2024 dan telah merujuk aduan tersebut kepada Jabatan/ Agensi yang berkaitan. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 184 aduan telah selesai dan mempunyai keputusan.

IPCC turut memantau status kesemua aduan secara bulanan bersama Cawangan Pengurusan Aduan dari Jabatan Integriti dan Pemuatan Standard (CPA JIPS) PDRM. Pemantauan turut dilaksanakan menerusi Mesyuarat Status Aduan (MSA) yang diadakan tiga (3) kali setahun melibatkan CPA JIPS PDRM dan Cawangan Pengurusan Maklumat SPRM.

PENGENDALIAN SIASATAN IPCC

Menurut seksyen 27 Akta 839, pegawai IPCC mempunyai kuasa untuk memeriksa orang dalam menjalankan penyiasatan. Siasatan yang dijalankan adalah tertakluk kepada aduan yang telah dikelaskan oleh JKA untuk disiasat oleh pegawai IPCC. Setiap aduan yang disiasat mempunyai asas salah laku seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 22 Akta 839.


Berdasarkan pengelasan aduan, tiga (3) aduan yang diterima pada tahun 2023 dan lima (5) aduan yang diterima pada tahun 2024 disiasat oleh pegawai IPCC.

Sehingga 31 Disember 2024, sejumlah satu (1) dari lapan (8) Kertas Siasatan (KS) yang dibuka telah berjaya diselesaikan dan diputuskan di bawah seksyen 30(1)(d) Akta 839 kerana aduan tersebut menzahirkan tiada salah laku dan aduan telah ditolak. Manakala satu (1) lagi KS telah ditutup berikutan aduan tersebut dikelaskan semula kepada seksyen 25(d) Akta 839. Baki enam (6) KS masih dalam tindakan siasatan lanjut oleh pegawai IPCC.


PEMAKLUMAN LAPORAN KES-KES RUJUKAN MANDATORI

Selaras dengan seksyen 26 Akta 839, pihak PDRM bertanggungjawab untuk merujuk kepada IPCC bagi kejadian yang melibatkan jenayah seksual, cedera parah dan kematian dalam tahanan atau jagaan anggota pasukan polis dengan kadar segera. Justeru, pemakluman awal kepada IPCC mengenai kes rujukan mandatori yang dilaksanakan oleh USJKT PDRM adalah dalam tempoh 24 jam dan pemakluman rasmi dalam tempoh tujuh (7) hari. Status siasatan dirujuk kepada IPCC adalah dari semasa ke semasa.


PDRM telah merujuk 29 kes kepada IPCC di bawah seksyen 26 Akta 839 sepanjang tahun 2024. Butiran kes tersebut seperti berikut:




Pecahan Kes Rujukan Mandatori mengikut kategori bagi tahun 2024



Pecahan Kes Rujukan Mandatori mengikut jantina bagi tahun 2024



Pecahan Kes Rujukan Mandatori mengikut bangsa bagi tahun 2024







PENGHARGAAN KHAS SURUHANJAYA

PENGHARGAAN KHAS SURUHANJAYA

IPCC menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada EAIC atas kerjasama serta perkongsian pandangan dan kepakaran yang telah membantu memperkukuh pengoperasian awal fungsi IPCC, khususnya dalam aspek pentadbiran, keurusetian mesyuarat, pengurusan aduan dan pelaksanaan siasatan. Semangat kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama ke arah mempertingkatkan integriti, akauntabiliti dan tadbir urus agensi penguatkuasaan negara. Sebagai rakan strategik IPCC, pertukaran pandangan dan amalan terbaik EAIC telah memberi nilai tambah kepada usaha IPCC membangunkan keupayaan organisasi yang mantap dan berkesan. IPCC amat menghargai semangat kerjasama dan dokongan yang diberikan oleh seluruh warga EAIC sejak penubuhannya.



Kunjungan pertama IPCC ke EAIC pada 28 November 2023 bagi meninjau pengoperasian EAIC



Lawatan sekitar Pejabat EAIC



Lawatan ke Kaunter Aduan EAIC



Perbincangan IPCC bersama EAIC membincangkan mengenai Sistem Aduan EAIC pada 6 Mac 2024



Perbincangan IPCC bersama EAIC membincangkan mengenai prosedur siasatan pada 17 Oktober 2024





SIDANG MEDIA



SOROTAN MEDIA



AKHBAR

Berita Harian (Muka surat 3)

TAJUK

'PDRM tak boleh tolak ansur isu salah laku'

ULASAN

PM Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Peluncuran IPFC menegaskan penubuhan IPCC dan inisiatif IPFC penting bagi pertumbuhan ekonomi dan keamanan rakyat

IPCC memberi fokus kepada penubuhan suatu badan untuk melaksanakan siasatan, manakala tindakan dan hukuman tatatertib masih dikekalkan dengan Suruhanjaya Pasukan Polis mengikut peruntukan sedia ada dalam Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan

'PDRM tak boleh tolak ansur isu salah laku'

Anwar tegaskan penubuhan IPCC, IPFC penting demi pertumbuhan ekonomi dan keamanan rakyat

Datin Saifuddin Aliyuddin Razali dan Datuk Marzuki Abdul Patah
hnews@hh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan komitmen Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak boleh menolak ansur dalam sebarang salah laku demi menyelamatkan bangsa dan negara.

Berucap pada Majlis Peluncuran Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPFC) dan Polis, Friends and Collaborators (IPFC), di sini, semasa Perdana Menteri berkata, tindakan itu penting kerana negara menuntut perubahan, termasuk dalam aspek pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

"Yang membolehkan ekonomi

mi meningkat, polabangsa masuk, orang rasa tenang dan aman, bersalin dengan selamat dalam dunia, sebelum 1977 malan di hospital dan sebagainya dengan rasa tenang dan aman kerana kesedaran dan kecekapan PDRM keseluruhannya," katanya.

Anwar berkata, PDRM sebagai tonggak utama pertahanan dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan rakyat terjamin.

Katanya, walaupun sebelum ini beliau mengahuti pendirian yang berkesan terhadap penubuhan IPCC, namun kini kerangka perlu memastikan keberkesanan.

Beliau berkata, ketika ini beliau berpuanji sekiranya ada suruhanjaya itu dilakukan, maka ia akan menjadi satu perubahan yang positif.

"Tindakan ini, sebagai mekanisme dalam memastikan dan pekeria ini sudah berjalan, justeru kita perlu pastikan ia berkesan," katanya.

Sebelum ini, beliau berkata, kerajaan juga tidak menyangka terdapat kesetiaan untuk satu agensi mengawal keteraturan atau disiplin kerana setiap jabatan mempunyai peraturan



Anwar pada Majlis Peluncuran IPCC dan IPFC semasa diperkenalkan Saifuddin, Razuddin, Johari dan Shamsul Azri. (Datin Saifuddin Aliyuddin Razali)

sedia ada.

"Tetapi, kita juga tidak boleh dalam jumlah yang besar, hadang-tendang berkesan walaupun kelompok kecil, namun ia mewakili segelintir masyarakat dan mereka merasakan harus diberi perubahan.

"Selaras, tanggunjawab kita ialah pertambahan dan satu kita mahu negara menjadi maju dan terangkat, itu talasidologi, integriti, pembetaraan, rasuah dan salah guna kuasa harus diberikan tumpuan," katanya.

Penubuhan IPCC dan IPFC

Anwar juga berkata, berdasarkan pengalamannya selama dua tahun dalam memerintah negara, PDRM adalah antara agensi yang sangat kritikal untuk memberi makna dan semangat kejayaan negara.

Pada 29 Julai 2022, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) IPCC 2022 yang mengubahkan RUC Suruhanjaya Bebas Adil dan Salah

Laku Polis (IPCLM), adalah untuk memperkukuh integriti pasukan PDRM, mengiktirafkan sajak laka dalam kalangan anggotanya, serta meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis.

Sebelum dibentuk di Parlimen, proses pengubahan IPCC melibatkan lebih dari 1,000 orang, dalam satu taklimat bersama peminat tertinggi PDRM, persatuan bekas polis, wakil Kementerian Dalam Negeri (KIDN) serta Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH).

IPCC memberi fokus kepada penubuhan suatu badan untuk melaksanakan siasatan, manakala tindakan dan hukuman tatatertib masih dikekalkan dengan Suruhanjaya Pasukan Polis (IPFC) mengikut peruntukan sedia ada dalam Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu, IPCC ialah program di bawah pelan strategik IPCC, bertujuan mewujudkan visi sebagai badan pemantau

berhasrat yang diperkukuh bagi meningkatkan keyakinan rakyat kepada integriti pasukan polis.

IPPC berfokuskan membantu memantapkan tatakelakuan anggota polis, melindungi hak asasi orang awam dan anggota polis, meniadakan urus-urusan penyempitan perkhidmatan dan keberkesanan IPCC dan IPFC.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan IPCC, IPCC akan meningkatkan hubungan kerjasama dengan rakan strategik antaranya Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, PDRM, perkhidmatan negara, pertubuhan bukan kerajaan, syarikat swasta, institusi pengajian tinggi, media dan orang awam.

Turut hadir pada majlis itu, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dr-Johari Abdul Momeni, Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Haji; Keran Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Hussin.

IPCC received 529 complaints on police since July last year

KUALA LUMPUR: The Independent Police Conduct Commission (IPCC) has received 529 reports of misconduct, corruption and criminal cases related to the police since it was established in July last year.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said these statistics were recorded by the commission up to Nov 22, following 195 visits to police facilities nationwide.

"To date, the IPCC has conducted 195 visits to police facilities, including six state headquarters."

"The commission received 529 complaints, including 140 outstanding complaints from before the IPCC Act 2022 came into effect, and the categories of complaints must be managed according

To date, the IPCC has conducted 195 visits to police facilities, including six state headquarters.

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
Home Minister

ing to the act.

"If the complaint involves an area under the jurisdiction of corruption, the IPCC must channel it to the Malaysian Anti-Corruption Commission, whereas clear criminal matters must be referred to the police."

"However, if it meets the nec-

essary criteria and complies with the interpretation (of police conduct), the IPCC will proceed accordingly," he said after the launch of the IPCC, Police, Friends and Collaborators event.

Present were Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, Inspector-General of Police Tan Sri Razarudin Hussin, Deputy Inspector-General of Police Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pithey, Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar and Dewan Rakyat Speaker Tan Sri Johari Abdul.

Saifuddin said the commission had set standard operating procedures to receive complaints and conduct investigations, and established the Complaints and Investigation Management Sys-

tem to manage complaints more efficiently.

"This system assists in coordinating investigations and gathering information. The IPCC's role is not only as a mechanism for receiving and investigating complaints, but also for recommending improvements to the police."

He added that the IPCC was drafting regulations under the Act, including the interpretation of ministerial powers.

"(We need to understand) what regulations interpret the powers granted to the minister under this Act. What provisions or authorisation does it give the minister to exercise these powers?"

"Therefore, the IPCC is preparing regulations to interpret these

powers, including cases related to sexual crimes, serious injuries and deaths in custody or while under police care," he said.

On issues identified within the police force, he said these include procurement and assignment processes.

He said the commission suggested improvements to procurement methods and recommended reviewing the assignment of police officers by aligning their roles with core responsibilities, such as investigation, intelligence and public safety.

"The IPCC emphasises its role in enhancing the wellbeing of police officers through engagement sessions and roundtable discussions with experts from various fields."

AKHBAR

New Straits Time
(Muka surat 4)

TAJUK

IPCC
received 529
complaints
on police
since July
last year

ULASAN

IPCC has received 529 reports of misconduct, corruption and criminal cases related to the police since it was established in July last year.

"To date, the IPCC had conducted 195 visits to police facilities including 140 outstanding complaints from before the IPCC Act 2022 came into effect, and the categories of complaints must be managed according to the act."



NASIONAL

Dewan Rakyat lulus RUU IPCC

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
Julai 26, 2022 @ 8:04pm



Dewan Rakyat.

KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) 2020 yang bertanggungjawab melaksanakan siasatan berhubung aduan tatakelakuan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

RUU itu diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas bacaan ketiga oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin dan dibahas seramai 18 Ahli Parlimen. Hamzah pada sesi penggulungan perbahasan RUU itu berkata, pihaknya mengadakan libat urus dengan seramai 1,059 orang berhubung IPCC selain menganjurkan sesi taklimat bersama pimpinan tertinggi PDRM, persatuan bekas polis, wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan pelbagai lagi. Katanya, sesi taklimat turut diadakan bersama Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH) sebelum ini.

“Ada yang membangkitkan mengapa perlu lantik pegawai polis sebagai ahli suruhanjaya. Mereka berkecenderungan namun bukan bermakna hanya pegawai polis dilantik, mungkin tiada langsung pegawai polis dilantik.

“Ini bagi memberi ruang bahawa pegawai polis juga boleh dilantik. Jadi tidak timbul kitahanya nak melantik pegawai polis kerana antara tujuh ahli suruhanjaya itu, mungkin ada pegawai polis atau mungkin tiada langsung,” katanya.

Terdahulu, pada sesi pembentangan RUU itu, Hamzah berkata, penubuhan IPCC akan mempertingkatkan integriti pasukan polis, mengurangkan salah laku dalam kalangan anggota polis dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan polis.

Katanya, RUU IPCC itu memberi fokus kepada penubuhan suatu badan untuk melaksanakan siasatan manakala tindakan dan hukuman tatatertib masih dikekalkan dengan Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) mengikut peruntukan sedia ada di dalam Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan.

Ia digubal selepas dibuat perbandingan antara Independent Office for Police Conduct (United Kingdom) dan Independent Police Complaints Council (Hong Kong), yang mana negara itu mempunyai badan pemantau bebas. Ia hanya menjalankan kuasa siasatan ke atas salah laku, dan hasil dapatan akan dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan untuk diambil tindakan,” katanya.

Jelasnya, keanggotaan IPCC terbuka kepada semua individu, termasuk penjawat awam dan pesara polis, yang dipilih berdasarkan kelayakan pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan apa-apa perkara lain yang akan ditentukan kemudian.

Bagi membolehkan siasatan IPCC dijalankan secara inklusif dan komprehensif, katanya, wakil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) boleh dijemput untuk bekerjasama dengan pasukan siasatan IPCC, terutamanya bagi kes kematian dalam tahanan.

RUU ini juga memperuntukkan supaya semua kes kecederaan serius, kematian dan jenayah seksual terhadap orang dalam tahanan atau jagaan polis, dilaporkan kepada IPCC untuk tindakan lanjut.

“Ia sekali gus memastikan siasatan jenayah yang telus dapat dijalankan oleh polis, meningkatkan integriti pasukan, menghapuskan persepsi negatif orang awam dan mengelakkan penyiasatan berat sebelah bagi menutup kesalahan polis,” katanya.

KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat diberitahu hari ini bahawa Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dijangka berfungsi sepenuhnya pada awal tahun depan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, ketika ini, proses pemilihan, penilaian dan pelantikan ahli suruhanjaya berkenaan bagi jawatan pengerusi dan anggota sedang giat dijalankan.

Pada masa sama, beliau berkata, setakat ini sebanyak 94 aduan berkaitan Polis Diraja Malaysia (PDRM) diterima selaras dengan Seksyen 25 Akta IPCC.

"Prosedur operasi standard (SOP) (bagi meneliti aduan) akan ditentukan selepas pelantikan (ahli) suruhanjaya ini telah dimuktamadkan. Kita ambil maklum semua aduan, klasifikasikan dan teliti dengan baik bagi memberi keadilan kepada semua yang terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 (Belanjawan 2024) peringkat jawatankuasa bag Kementerian itu pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Mengenai 24,000 alat bantuan teknik termasuk kamera badan kepada PDRM dan pelbagai agensi di bawahnya, Shamsul Anuar berkata perkara itu telah clibawa ke Mesyuarat Penilaian Pembuktian Konsep yang diadakan pada 26 Okt lepas dan ia akan dimuktamadkan oleh Lembaga Perolehan Kementerian pada akhir bulan ini.

"Kamera badan ini akan digunakan oleh anggota PDRM yang bertugas di lapangan terutama oleh Unit Peronda Kereta Polis (MPV) dan Unit Rondaan Motosikal (URB) di 157 ibu pejabat polis daerah di seluruh negara" katanya dan menambah sejumlah RM30 juta diperuntukkan bagi perolehan peralatan ini.

Rang undang-undang perbekalan 2024 bagi Kementerian itu kemudiannya diluluskan dengan lebih suara bersetuju sebelum persidangan ditangguhkan sehingga Isnin depan. - Bernama

IPCC dijangka berfungsi sepenuhnya awal tahun depan

16 November 2023 09:38pm
Masa membaca: 2 minit



Shamsul Anuar menjawab pertanyaan-pertanyaan semasa sesi Jawab Lisan pada persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen hari ini. Foto Bernama

NATIONAL

Zolkopli Dahlan dilantik ketua IPCC

astro
AWANI

PUTRAJAYA: Bekas Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri UPM) Datuk Zolkopli Dahlan hari ini dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) yang turut dianggotai empat individu lain.

Seorang lagi anggota ialah bekas Ketua Pengerusi Lembaga Penasihat JPM Datuk Mohamad Jazamuddin Hail Ahmad Nawawi, selaku Timbalan Pengerusi IPCC.

Tiga ahli IPCC terdin daripada bekas Pengarah Sektor Kewangan, Jabatan Audit Negara Puan Martina@Kartina Zamhari; bekas Timbalan Pengarah (Teknikal Operasi), Jabatan Logistik dan Teknologi, Polis Diraja Malaysia (PDRM) Datuk Shukri Abdullah dan bekas Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Datuk Tan Kang Sai.



Saifuddin berkata pelantikan ahli IPCC kali ini hanya melibatkan lima individu manakala dua lagi akan diumumkan selepas proses tertentu dilakukan. - Gambar Bernama



IPCC terima 348 aduan sejak berkuat kuasa 1 Julai tahun lalu- Saifuddin



Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin ketika sesi soal jawab di Parlimen, hari ini.

KUALA LUMPUR, 18 Julai: Sebanyak 348 aduan diterima Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sejak berkuat kuasa 1 Julai 2023, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata daripada jumlah itu, tujuh aduan yang diterima masih dalam proses siasatan.

"Dalam tujuh kes ini anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat aduan terhadap atasannya atau pengadu membuat aduan kerana tiada tindakan ke atas aduan awalnya."

"Ada juga aduan daripada tujuh ini bersifat isu integriti maknanya pemilihan pelantikan pangkat inspektor itu dikatakan ada unsur-unsur yang menjejaskan soal integriti, kemudian ada juga yang bersifat gangguan seksual," katanya ketika sesi soal jawab di Parlimen."

Beliau berkata demikian bagi menjawab soaian dikemukakan Ramkarpal Singh (PH-Bukit Gelugor) berhubung jumlah aduan terhadap anggota polis di bawah akta itu dan keputusan terhadap aduan berkenaan. Mengulas lanjut Saifuddin berkata daripada 348 itu, aduan bersifat jenayah paling banyak diterima antaranya berkaitan kekerasan, gangguan seksual, dadah, pemalsuan dokumen, ugutan serta isu-isu berkaitan integriti, yang tertakluk kepada bidang kuasa Akta Polis 1967 (Akta 344) untuk tindakan lanjut.

Menjawab soalan tambahan Ramkarpal yang mempersoalkan jumlah kes disiasat IPCC, Saifuddin berkata di bawah Seksyen 25 Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 (Akta 839) itu sendiri membenarkan pengelasan kes-kes bagi merujuk kepada pihak berkuasa lain yang juga mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat dan menguatkuasaan.

IPCC yang merupakan Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta 839 dan diwartakan pada 18 Oktober 2022, menjalankan fungsi dan kuasa sebagai badan pemantau bebas terhadap pasukan polis dari aspek siasatan aduan berkaitan salah laku.

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama): Sebanyak 529 aduan telah diterima Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) sehingga 22 Nov, sejak Akta IPCC 2022 (Akta 839) dikuatkuasakan pada 1 Julai tahun lepas, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata ia merangkumi kes berkaitan jenayah yang dirujuk kepada kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes rasuah disalurkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), manakala kes tatakelakuan pula akan disiasat oleh IPCC.

Saifuddin berkata daripada jumlah itu, 140 kes merupakan aduan tertunggak sebelum akta berkenaan dikuatkuasakan.

"Aduan ini turut terdiri daripada aduan berulang iaitu pengadu sudah membuat aduan tetapi merasakan tiada tindakan. Jadi mereka sekali lagi membuat aduan itu dan ada juga aduan bersifat remeh yang misainya berkait mifsalah persengketaan peribadi dengan anggota polis," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran IPCC, Police, Friends and Collaborators (IPFC) di Pusat Perdagangan Dunia Kuala Lumpur, hari ini yang disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Turut hadir Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Johari Abdul, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain.

AM

Sebanyak 529 Aduan Diterima IPCC Setakat 22 Nov - Saifuddin



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan (tengah) hadir pada majlis pelancaran IPCC (Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis), Police, Friends and Collaborators (IPFC) di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTC). Turut serta Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (kanan) dan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Johari Abdul (kiri). -- fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

BELANGSUNGKAWA



Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Dato' Jazamuddin bin Hj. Ahmad Nawawi, yang telah kembali ke rahmatullah pada 30 Disember 2024 (Isnin) bersamaan 28 Jamadilakhir 1446H.

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengerusi Suruhanjaya telah memberikan sumbangan yang amat besar dalam memperkukuh fungsi suruhanjaya sebagai badan pemantau bebas terhadap tatakelakuan anggota pasukan polis. Melalui ketegasan prinsip, kebijaksanaan dan integriti, beliau telah memainkan peranan penting dalam memartabatkan keadilan, mempertingkatkan ketelusan serta menyumbang secara langsung ke arah menaikkan tahap profesionalisme dan memperkukuh imej Polis Diraja Malaysia (PDRM) di mata rakyat.

Kepimpinan beliau yang berwawasan serta komitmen yang tidak berbelah bahagi telah membentuk asas bagi permulaan hala tuju IPCC. Jasa beliau akan terus menjadi inspirasi serta panduan kepada warga suruhanjaya dalam melaksanakan mandat yang diamanahkan.

Pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar kepada IPCC. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Al-Fatihah.



PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA



Bagi tahun 2024, peruntukan perbelanjaan mengurus IPCC yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) adalah RM6,291,800.00.

PERUNTUKAN PRESTASI PERBELANJAAN

Selaras dengan seksyen 37 Akta 839, Kerajaan perlu memperuntukkan kewangan mencukupi secara tahunan bagi memastikan IPCC dapat beroperasi dan menjalankan kuasanya secara berkesan di bawah Akta tersebut.

Kementerian Kewangan telah meluluskan geran peruntukan mengurus pertama IPCC sebanyak RM6,291,800.00 bagi tahun 2024. IPCC juga telah mendapatkan kelulusan interim di mana KDN sebagai pusat pembayar bagi IPCC bermula 1 Januari 2024 hingga 30 September 2024. Walau bagaimanapun, IPCC telah mula melaksanakan operasi kewangan sepenuhnya menerusi sistem perakaunan sendiri bermula 1 Oktober 2024 hingga 31 Disember 2024. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan IPCC yang dicatat pada tahun 2024 adalah sebanyak RM3,717,930.98.

Berdasarkan kepada prestasi perbelanjaan tahun 2024, IPCC telah mengoptimumkan perbelanjaan secara menyeluruh mengikut Pelan Strategik IPCC. IPCC turut memfokuskan kepada perbelanjaan yang komited seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan dan perbelanjaan yang amat diperlukan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas selari dengan fungsi di bawah Akta 839.

Perincian penyaluran Geran Peruntukan Mengurus IPCC Tahun 2024 adalah seperti yang berikut:

Penyaluran Geran Peruntukan Tahun 2024

BIL	TEMPOH PENYALURAN PERUNTUKAN	TARIKH TERIMA PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)
1	Suku Tahun Pertama (Januari – Mac)	-	-
2	Suku Tahun Kedua (April – Jun)	-	-
3	Suku Tahun Ketiga (Julai – September)	01 Oktober 2024	861,755.00
4	Suku Tahun Keempat (Oktober – Disember)	02 Disember 2024	3,145,900.00
5	Pelarasan Kementerian	31 Disember 2024	2,266,280.85
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			6,273,935.85

Selain daripada geran yang disalurkan IPCC turut memperoleh pendapatan berjumlah RM5,379.70 faedah daripada akaun semasa.

Perincian Perbelanjaan IPCC Bagi Tahun 2024 mengikut pecahan item perbelanjaan adalah seperti yang berikut:

Perbelanjaan IPCC Bagi Tahun 2024

BIL	ITEM PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
1.	Emolumen	1,989,681.35
2.	Bekalan dan Perkhidmatan	1,721,579.56
3.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	3,400.00
4.	Susut Nilai-Peralatan Pejabat	3,270.07
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		3,717,930.98

EMOLUMEN

Perbelanjaan bagi emolumen merangkumi gaji dan upahan, elaun tetap, sumbangan berkanun, elaun lebih masa, faedah kewangan yang lain dan bantuan kewangan. Ini melibatkan 36 orang pegawai daripada 43 kakitangan perjawatan yang diisi sepenuhnya bagi tahun 2024.

PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Perbelanjaan diperuntukkan bagi meliputi perjalanan dan sara hidup, perhubungan dan utiliti, sewaan, makan dan minum mesyuarat, bekalan, penyelenggaraan dan perkhidmatan ikhtisas.

PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

Perbelanjaan diperuntukkan bagi tujuan bayaran bantuan dan pengangkutan jenazah.

SUSUT NILAI PERALATAN PEJABAT

Perbelanjaan susut nilai bagi pembelian peralatan pejabat yang dibuat pada bulan Disember 2024.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2024

IPCC telah memperoleh Sijil Audit Bersih tanpa teguran dari Jabatan Audit Negara Malaysia (JAN) pada 16 Oktober 2025 yang telah ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 13 Oktober 2025. Sijil Audit Bersih tanpa teguran ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan IPCC pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta 839.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI
1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Penubuhan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 14.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis 2022 [Akta 839].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

1 / 4

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenalinya

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenalinya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenalinya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis 2022 [Akta 839]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan jika berkalian serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengemukakan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

2 / 4

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis;
- menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahannya anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkalian oleh Anggota Suruhanjaya;
- membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkalian dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkalian dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas ungu riaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

3 / 4

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelaikan Polis 2022 [Akta 839] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATU' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
13 OKTOBER 2025



4 / 4

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA

Kami, Datuk Zulkopli Bin Dahalan dan Kartina Binti Zamhari, yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Suruhajaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS pada 31 Disember 2024 dan hasil kendalannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Pesuruhjaya,



NAMA: DATUK ZULKOPLI BIN DAHALAN
GELARAN: PENGURUS
TARIKH: 06 OKTOBER 2025
TEMPAT: PUTRAJAYA

Bagi pihak Pesuruhjaya,



NAMA: KARTINA BINTI ZAMHARI
GELARAN: ANGGOTA SURUHANJAYA
TARIKH: 06 OKTOBER 2025
TEMPAT: PUTRAJAYA

1

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS

Saya, Siti Jalilah Binti Abd Manap pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di PUTRAJAYA)
pada 06 Oktober 2025



Di hadapan saya,



2

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DESEMBER 2024

		2024 RM
ASET		
Aset Semasa		
Tunai dan Baki di Bank	3	2,609,528
Depositi Dibayar	4	29,000
Jumlah Aset Semasa		<u>2,638,528</u>
Aset Bukan Semasa		
Hartanah, Loji dan Peralatan	5	192,934
Jumlah Aset Bukan Semasa		<u>192,934</u>
Jumlah Aset		<u>2,831,462</u>
LIABILITI		
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar	6	271,077
Jumlah Liabiliti Semasa		<u>271,077</u>
Liabiliti Bukan Semasa		
Peruntukan Manfaat Kekilangan	7	50,990
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		<u>50,990</u>
Aset Bersih		<u>2,509,395</u>
ASET BERSIH		
Lebihan Terkumpul		<u>2,509,395</u>
Jumlah Aset Bersih		<u>2,509,395</u>

Nota-nota yang diampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

3

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TEMPOR KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DESEMBER 2024

		01.07.2023- 31.12.2024 RM
Hasil		
Geran Kerajaan	8	6,273,935
Lain-Lain Hasil	9	5,380
Jumlah Hasil		<u>6,279,315</u>
Perbelanjaan		
Emolumen	10	2,031,663
Bekalan dan Perkhidmatan	11	1,680,577
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	12	3,400
Gantikan Cuti Rihet	7	50,990
Belanja Susut Nilai	5	3,270
Jumlah Perbelanjaan		<u>3,769,920</u>
Lebihan Bersih Tahun Semasa		<u>2,509,395</u>

Nota-nota yang diampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

4

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024

	Lebihan Terkumpul RM
Pada tarikh penubuhan 1 Julai 2023	-
Lebihan bersih tahun semasa	2,509,395
Baki pada 31 Disember 2024	2,509,395

5

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024

KAEDAH TIDAK LANGSUNG

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI	RM
Lebihan Bersih Tahun Semasa	2,509,395
Pelarasan Untuk:	
Susut Nilai	3,270
Gantikan Cuti Rehat	50,990
	2,563,655

Perubahan Modal Kerja:	
Pemutang	271,077
Deposit Dibayar	(29,000)
Tunai dijana daripada aktiviti operasi	2,865,732
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI	2,865,732

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN

Hartanah, loji dan peralatan:	
-Pembelian	(195,204)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	(195,204)
PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	2,669,528
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	-
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	2,669,528

TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:

Tunai dan Baki di Bank	2,669,528
------------------------	-----------

6

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024

	JUMLAH BAJET		JUMLAH SEBENAR 2024	VARIAN BAJET		NOTA
	ASAL RM	AKHIR RM	ASAL RM	RM	%	
TERIMAAN						
Geran Kerajaan	6,273,935	6,273,935	6,273,935	0	0	
Lain-Lain Hasil	0	0	5,380	5,380	0	(a)
Jumlah Terimaan	6,273,935	6,273,935	6,279,315	5,380	0	
BAYARAN						
Pentadbiran dan Pengurusan	6,273,935	6,273,935	3,769,920	(2,504,015)	(39.91)	(b) & (c)
Jumlah Bayaran	6,273,935	6,273,935	3,769,920	(2,504,015)	(39.91)	

Lebihan: 0 0 2,509,395

Nota:

- (a) Lain-lain hasil adalah merujuk kepada faedah kewangan yang diterima daripada akaun semasa bank utama IPCC.
(b) Perincian perbelanjaan seperti Nota 5-12
(c) Lebihan Peruntukan adalah bagi pembangunan dan penyelenggaraan sistem-sistem yang diperlukan oleh IPCC.

7

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024

1. MAKLUMAT UMUM

1.1 Kegiatan Utama

Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [Akta 839] berkuat kuasa mulai 1 Julai 2023.

Fungsi utama IPCC adalah seperti yang berikut:

- Untuk melaksanakan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis;
- Untuk menasihati Kerajaan dan membuat syor mengenai langkah-langkah yang sesuai untuk diambil dalam melaksanakan integriti dalam kalangan anggota pasukan polis;
- Untuk melindungi kepentingan orang awam melalui penanganan salah laku mana-mana anggota pasukan polis; dan
- Untuk membentuk dan mengadakan mekanisme bagi menerima aduan dan menyalurkan salah laku oleh mana-mana anggota pasukan polis.

Alamat berdaftar dan pejabat operasi IPCC adalah Aras 7, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya.

IPCC mula beroperasi pada 1 November 2023 dengan mengguna pakai peruntukan Bahagian Keselamatan Kementerian Dalam Negeri. IPCC telah menerima peruntukan mengurus sebanyak RM6,273,935. Walaubagaimanapun, memandangkan IPCC tidak mempunyai sistem perakaunan yang stabil pada bulan Januari sehingga bulan September 2024 dengan kelulusan Nota Setengah (KSU) Kementerian ini, pengurusan kewangan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian. Bermula bulan Oktober 2024 IPCC telah mula melaksanakan fungsi kewangan secara menyeluruh sehingga bulan Disember 2024 dengan peruntukan yang disalurkan sebanyak RM4,007,655. Maka, Penyata Kewangan ini disediakan bagi tempoh 1 Julai 2023 sehingga 31 Disember 2024 dengan mengambil kira jumlah pelarasan belanja yang telah dilaksanakan oleh Kementerian sebanyak RM2,266,280 dan pelarasan belanja ini telah diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan di bawah perbelanjaan Emolumen dan Bekalan dan Perkhidmatan.

1.2 Persembahan Mata wang

Penyata Kewangan ini dinyatakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) iaitu mata wang fungsian untuk IPCC.

1.3 Tarikh Kelulusan Penerbitan

Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis Bagi Tempoh Kewangan Berakhir Dari 1 Julai 2023 Hingga 31 Disember 2024 telah diaudit, dibentangkan melalui Mesyuarat Suruhanjaya Bilangan 10 Tahun 2025 pada 1 Oktober 2025 (Rabu) dan edaran untuk kelulusan pada 2 Oktober 2025 (Khamis).

8

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024	
2. DASAR PERAKAUNAN	
2.1 Pematuhan Terhadap Piawaian Pelaporan Penyata Kewangan	
Penyata Kewangan IPCC telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Ini adalah Penyata Kewangan IPCC yang pertama yang disediakan menggunakan MPSAS.	
2.2 Asas Penyediaan Penyata Kewangan Perakaunan	
Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi nilai saksama. Pihak pengurusan perlu menggunakan pertimbangan, anggapan dan anggaran untuk menilai dan melaporkan jumlah aset dan liabiliti pada akhir tahun semasa serta melaporkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan pada tahun semasa. Pertimbangan dan anggaran digunakan di dalam penilaian mungkin akan menyebabkan keputusan sebenar tidak selari dengan jumlah yang dilaporkan.	
2.3 Geran Kerajaan	
Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan.	
2.4 Hartanah, Loji dan Peralatan	
<u>Pengiktirafan dan Ukuran</u> Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah tolak susut nilai terkumpul dan rostan nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermudahkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan dikira sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan. Jika sesuatu aset diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu dikira di dalam liabiliti semasa. Nilai dibawa bagi item Hartanah, Loji dan Peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Hartanah, Loji dan Peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.	
9	
Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.	

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024

2. DASAR PERAKAUNAN

2.4 Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Susut Nilai

Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangka hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan masing-masing. Susut nilai aset bermula apabila ia sedia untuk digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangka hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusut nilai akan disemak semula dan diterapkan secara prospektif. Semua perolehan harta modal akan dipermudahkan tanpa mengambil kira sebarang nilai minimum bagi setiap unit.

Kadar utama susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

	Peratus (%)	Jangka Hayat (Tahun)
Peralatan Pejabat	20	5 Tahun

2.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank berlesen serta institusi kewangan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.6 Manfaat Pekerja

Manfaat Jangka Pendek

Manfaat pekerja berkenaan upah, gaji, bonus dan gantikan cuti rehat dikira atas dasar tanpa diskaun dan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja.

10

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024	
2. DASAR PERAKAUNAN	
2.6 Manfaat Pekerja (Sambungan)	
<u>Manfaat Kakitangan (Gantikan Cuti Rehat – GCR)</u> Bayaran manfaat kakitangan yang akan dibayar selepas pensaraan pekerja dikira secara akrual sebagai belanja dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun semasa, manakala peruntukan manfaat kakitangan ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah liabiliti sebagai Peruntukan Manfaat Kakitangan. Pengiraan peruntukan bayaran gantikan cuti rehat kepada pesara adalah berdasarkan maklumat sebenar yang tersedia pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan kelayakan manfaat adalah berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan. <u>Pelan Caruman Tetap</u> Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perkhidmatan berkaitan telah dilaksanakan. 2.7 Instrumen Kewangan <u>Aset Kewangan</u> Tunai dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada Tunai di Bank dan Tunai di Tangan (Tunai Runcit). Transaksi dilaksanakan dan diperakunkan pada tarikh dagangan. Aset Kewangan dipegang untuk dagangan dan Aset Kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui lebihan atau kurangan adalah direkodkan pada nilai saksama dalam Penyata Prestasi Kewangan. <u>Liabiliti Kewangan</u> Liabiliti kewangan adalah diklasifikasikan mengikut kesesuaian sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama dan dikira dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kos urus niaga dibelanjakan apabila ia ditanggung. Liabiliti kewangan pada nilai saksama kerana sifat tempoh instrumen kewangan yang pendek dan singkat. <u>Objektif dan Polisi Risiko Kewangan</u> Polisi pengurusan risiko kewangan IPCC adalah untuk memastikan sumber kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi IPCC dengan lancar. Untuk membiayai semua kos operasi tersebut adalah melalui sumbangan yang diterima oleh Kerajaan melalui geran tahunan sepenuhnya tanpa sumbangan atau dana lain melalui pinjaman bank atau pelaburan.	
11	
Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.	

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS																																		
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN																																		
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024																																		
2.8 Pertimbangan Kritikal dan Anggaran Ketidakpastian																																		
IPCC tidak mempunyai pertimbangan dan anggapan yang menyebabkan penyediaan penyata kewangan tidak munasabah.																																		
<u>Ketidakpastian Anggaran</u>																																		
Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Perkara yang tertakluk kepada ketidakketentuan anggaran penting adalah dalam mengukur peruntukan. IPCC menggunakan anggaran terbaik sebagai dasar penilaian peruntukan. Pihak pengurusan menilai berdasarkan pengalaman, isu semasa dan isu akan datang dengan kemungkinan munasabah yang berlaku.																																		
3. TUNAI DAN BAKI DI BANK	<table><tr><td></td><td>2024</td></tr><tr><td></td><td>RM</td></tr><tr><td>Baki Tunai di Bank</td><td>2,609,428</td></tr><tr><td>Baki Tunai di Tangan</td><td>100</td></tr><tr><td>Jumlah Tunai dan Baki Bank</td><td>2,609,528</td></tr></table>		2024		RM	Baki Tunai di Bank	2,609,428	Baki Tunai di Tangan	100	Jumlah Tunai dan Baki Bank	2,609,528																							
	2024																																	
	RM																																	
Baki Tunai di Bank	2,609,428																																	
Baki Tunai di Tangan	100																																	
Jumlah Tunai dan Baki Bank	2,609,528																																	
4. DEPOSIT DIBAYAR																																		
Wang jaminan (sekuriti deposit) yang dibayar sebagai jaminan pelaksanaan perkhidmatan mengikut perjanjian/kontrak sebagai aset dan perlu dikembalikan kepada Kerajaan untuk petarasan selepas maksud dicapai.																																		
5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	<table><tr><td></td><td>Perabot dan Kelengkapan RM</td><td>Jumlah RM</td></tr><tr><td>2024</td><td></td><td></td></tr><tr><td>Kos</td><td>-</td><td>-</td></tr><tr><td>Pada tarikh penubuhan 1 Julai 2023</td><td>-</td><td>-</td></tr><tr><td>Tambahan</td><td>196,204</td><td>196,204</td></tr><tr><td>Baki pada 31 Disember 2024</td><td>196,204</td><td>196,204</td></tr><tr><td>Susut Nilai Terkumpul</td><td></td><td></td></tr><tr><td>Pada tarikh penubuhan 1 Julai 2023</td><td>-</td><td>-</td></tr><tr><td>Susut Nilai</td><td>3,270</td><td>3,270</td></tr><tr><td>Baki pada 31 Disember 2024</td><td>3,270</td><td>3,270</td></tr><tr><td>Nilai Buku Bersih</td><td>192,934</td><td>192,934</td></tr></table>		Perabot dan Kelengkapan RM	Jumlah RM	2024			Kos	-	-	Pada tarikh penubuhan 1 Julai 2023	-	-	Tambahan	196,204	196,204	Baki pada 31 Disember 2024	196,204	196,204	Susut Nilai Terkumpul			Pada tarikh penubuhan 1 Julai 2023	-	-	Susut Nilai	3,270	3,270	Baki pada 31 Disember 2024	3,270	3,270	Nilai Buku Bersih	192,934	192,934
	Perabot dan Kelengkapan RM	Jumlah RM																																
2024																																		
Kos	-	-																																
Pada tarikh penubuhan 1 Julai 2023	-	-																																
Tambahan	196,204	196,204																																
Baki pada 31 Disember 2024	196,204	196,204																																
Susut Nilai Terkumpul																																		
Pada tarikh penubuhan 1 Julai 2023	-	-																																
Susut Nilai	3,270	3,270																																
Baki pada 31 Disember 2024	3,270	3,270																																
Nilai Buku Bersih	192,934	192,934																																
**Aset IPCC Tahun 2024 diperolehi pada bulan Disember 2024																																		
12																																		
Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.																																		

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024

6. AKAUN BELUM BAYAR

	2024 RM
Pelbagai Pemiutang	234,718
Tuntutan Elaun Lebih Masa Terakru	795
Tuntutan Perjalanan Terakru	1,157
Perbelanjaan Telefon Terakru	1,007
Yuran Audit Terakru	30,000
Tuntutan Bantuan Jenazah Terakru	3,400
Jumlah	271,077

7. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN- GANTIAN CUTI REHAT

	2024 RM
Pada tarikh penubuhan 1 Julai 2023	-
Peruntukan tahun semasa	50,990
Bayaran tahun semasa	-
Baki pada 31 Disember 2024	50,990
Manfaat kakitangan-semasa	-
Manfaat kakitangan-bukan semasa	50,990
Baki pada 31 Disember 2024	50,990

8. GERAN KERAJAAN

Geran Kerajaan yang diterima oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM5,273,935. Walaubagaimanapun, IPCC telah mendapatkan kelulusan interim di mana KDN sebagai pusat pembayar bagi IPCC sehingga bulan September 2024. Sehubungan dengan itu, KDN telah melaksanakan jumlah pelarasan perbelanjaan IPCC sebanyak RM2,266,280. IPCC telah mula melaksanakan operasi kewangan bermula pada bulan Oktober 2024 dan menerima peruntukan seperti berikut:

Peruntukan Disalurkan	Penyaluran	2024 RM
Suku Tahun Ketiga	01.10.2024	861,755
Suku Tahun Keempat	02.12.2024	3,145,900
		4,007,655
Jumlah Pelarasan Kementerian		2,266,280
Jumlah Keseluruhan		6,273,935

13

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR DARI 1 JULAI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2024

9. LAIN-LAIN HASIL

Lain-lain hasil IPCC diperoleh daripada faedah Akaun Semasa di bank tempatan yang diiktiraf berdasarkan kadar semasa yang telah ditetapkan, pendapatan lain dan sumbangan. Butiran terperinci seperti berikut:

	2024 RM
Faedah Akaun Semasa	5,380
Jumlah	5,380

10. EMOLUMEN

	2024 RM
Gaji dan Upah Tetap	1,201,784
Elaun Tetap	367,406
Sumbangan Berkanun	61,340
Elaun Lebih Masa	7,906
Faedah Kewangan Lain	12,150
Elaun Anggota Suruhanjaya	381,097
Jumlah	2,031,683

11. BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

	2024 RM
Perjalanan dan Sara Hidup	96,343
Perhubungan dan Utiliti	9,568
Bahan Makanan dan Minuman	1,730
Bahan Mentah dan Bahan Penyelenggaraan	1,456
Bekalan dan Bahan Lain	84,988
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	99,637
Yuran Audit	30,000
Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain	1,354,855
Jumlah	1,680,577

12. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

	2024 RM
Pengangkutan Jenazah	400
Bantuan Pengurusan Jenazah	5,000
Jumlah	3,400

14

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.



PEJABAT IPCC
ARAS 7, SETIA PERKASA 7,
KOMPLEKS SETIA PERKASA,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62546 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA